

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 1

Hari Isnin

12 Mei 1997

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

Y.B. Datuk Haji Hashim bin Safin
Y.B. Puan Tan Ah Eng

(Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan
Mengalu-alu Ahli Baru
Titah Ucapan DiRaja
Memperkenankan Akta-akta
Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan 1)
(Ruangan 2)
(Ruangan 2)
(Ruangan 3)
(Ruangan 4)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 5)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 6)

(Bersambung...)

(...sambungan)

USUL-USUL:

Jalan-jalan dan Lorong-lorong Ke Bangunan Parlimen	(Ruangan 46)
Perlantikan Ahli Jawatankuasa Pemilih	(Ruangan 47)
Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. <i>- Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim</i>	(Ruangan 48)

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 12hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin

Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peaturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada 7hb. April 1997.

Tarikh yang dinyatakan seperti berikut.

1. Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Choo (Dilantik);
2. Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim (Dilantik);
3. Yang Berhormat Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik); dan
4. Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sun (Dilantik).

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi dan pada tarikh yang dinyatakan itu. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik dan dilantik semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

TITAH UCAPAN DIRAJA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 24hb. Mac 1997 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan DiRaja dalam Parlimen.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1997;
2. Akta Perbekalan Tambahan 1996 (No. 2) 1996;
3. Akta Penyiaran (Pindaan) 1997;
4. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1997;
5. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997;
6. Akta Penilai Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 1997;
7. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1997;
8. Akta Pergigian (Pindaan) 1997;
9. Akta Kewangan 1997;
10. Akta Laporan Kewangan 1997;
11. Akta Perbadanan Synod Diocese Malaysia Barat (Pindaan) 1997;
12. Akta Keterangan (Pindaan) 1997;
13. Akta Imigresen (Pindaan) 1997;
14. Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1997;
15. Akta Penafsiran Niaga Hadapan (Pindaan) dan Penyatuan 1997;
16. Akta Luar Pesisir (Pindaan) 1997; dan
17. Akta Bank Luar Pesisir (Pindaan) 1997.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

“7hb. Mei 1997.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997)
1997
2. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997;
3. Rang Undang-undang Perkongsian Terhad Luar Pesisir
(Labuan) 1997;
4. Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) 1997;
5. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka
(Pembubaran) 1997
6. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
(Pembubaran) 1997;
7. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
(Pembubaran) 1997;
8. Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah
Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997;
9. Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional Berhad 1997;
10. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997;

11. Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997;
12. Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997;
13. Rang Undang-undang Teleperubatan 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENGEDARAN DAN PENAGIHAN DADAH DI KALANGAN MURID SEKOLAH - LANGKAH DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN

1. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah segera diambil oleh kementerian bagi mengatasi dan menangani isu murid-murid sekolah yang dikatakan telah ramai terlibat dengan masalah pengedaran dan penagihan dadah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah segera yang diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengatasi dan menangani isu murid-murid sekolah yang terlibat dengan masalah pengedaran dan penagihan dadah adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan lagi kerjasama di antara pihak sekolah dengan pihak Jabatan Polis.
- (ii) Menubuhkan dan menggerakkan Jawatankuasa Permuafakatan yang melibatkan agensi-agensi luar seperti polis, Jabatan Kebajikan

Masyarakat, Jabatan Penerangan, Jabatan Agama, PIBG dan Agensi Dadah Kebangsaan di semua peringkat.

- (iii) Menjalankan program gerak gempur di sekolah-sekolah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti:
 - (a) perbincangan dengan pihak sekolah;
 - (b) mengadakan ceramah pada guru-guru dan murid-murid;
 - (c) pemeriksaan diri, barang-barang kepunyaan murid;
 - (d) menjalankan ujian air kencing.
- (iv) Mengeluarkan surat pekeliling bagi memperingatkan pihak sekolah mengambil tindakan segera dan merancang program bagi menangani masalah ini di samping mempertingkatkan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang sedia ada.
- (v) Mempertingkatkan peranan kaunselor sepenuh masa.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan sedar sistem persekolahan yang terlalu memberatkan soal-soal peperiksaan tidak memberi kesempatan kepada guru-guru mendidik pelajar-pelajar mengenai moral serta semangat keperibadian nasional yang boleh mengakibatkan pelajar-pelajar terjebak ke dalam penyalahgunaan dadah, jenayah dan sebagainya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak lupa untuk memberikan tumpuan dan keutamaan juga kepada kegiatan-kegiatan untuk melentur pemikiran murid-murid dan membentuk diri anak-anak murid supaya menjadi warganegara yang berguna dan berfaedah pada negara. Sementara kita memberi keutamaan yang cukup tinggi kepada pencapaian akademik di kalangan murid-murid. Ini kita buat melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum dan juga kita telah mengadakan

penerapan ataupun menerapkan unsur-unsur dan nilai-nilai yang baru dalam mata pelajaran keagamaan dan pembangunan moral dengan harapan perkara-perkara seperti itu dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi keberkesannya dari masa ke semasa.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya terbaca dalam surat khabar tempatan mengatakan penagih dadah, penghisap dadah ataupun penyalahgunaan dadah berlaku 55 minit bagi tiap-tiap seorang. Kalau laporan akhbar ini boleh digunakan untuk informasi kita, berapa orangkah murid-murid sekolah yang terlibat dalam penagihan dadah dan berapa minitkah pada tiap-tiap hari?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, laporan yang disiarkan di dalam surat khabar itu saya tidak dapat kepastian, tetapi saya cuma hendak maklumkan bahawa daripada tahun 1992 hingga 1996 bilangan murid-murid yang didapati sahah terlibat sahaja bukan yang kita dakwa, tetapi ini sahah. Angkanya adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (orang)</u>
1992	83
1993	80
1994	110
1995	132
1996	173

Ini daripada lebih 2 juta murid di negara kita.

DASAR BELIA NEGARA - HAD UMUR BAGI PEMIMPIN BELIA

2. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rasionalnya beliau meminta pemimpin belia yang berumur tua meletakkan jawatan daripada menjadi pemimpin belia. Adakah ditetapkan dalam Dasar Belia Negara had umur sebagai pemimpin belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tidak pernah menyatakan bahawa pemimpin belia yang berumur harus mengundurkan diri ataupun meletakkan jawatan daripada menjadi pemimpin belia.

Apa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan menyatakan adalah bahawa pemimpin-pemimpin muda seharusnya diberi peluang untuk mengetuai pertubuhan-pertubuhan belia. Ini adalah kerana ada anak-anak muda yang tidak begitu berminat untuk menyertai persatuan-persatuan belia kerana ianya dipimpin oleh orang-orang lama dan program yang dijalankan tidak menarik minat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Dasar Belia Negara takrif belia adalah mereka yang berumur di antara 15 tahun hingga 40 tahun dan 41.24% daripada jumlah penduduk negara kita ini adalah dalam lingkungan umur tersebut.

Berdasarkan kepada faktor, laporan penduduk belia yang begitu ramai, maka adalah wajar pemimpin belia terdiri daripada mereka yang berkaliber, yang berpengalaman dalam pergerakan belia dalam lingkungan umur tersebut.

Dalam Dasar Belia Negara tidak menyatakan had umur untuk menjadi pemimpin belia. Walau bagaimanapun adalah lebih sesuai supaya pemimpin-pemimpin belia adalah yang memahami citarasa pada ahli-ahlinya yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin persatuan seluruh negara dalam merealisasikan agenda pembangunan negara yang dirancang oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, kementerian ini berpendapat adalah wajar bahawa peluang perlu diberi kepada golongan muda memikul tanggungjawab memimpin persatuan-persatuan belia, dengan berbuat demikian, kita dapat melahirkan lebih ramai pemimpin pelapis bagi mewarisi

kepimpinan negara. Mereka yang melebihi had umur mengikut takrif belia masih diakukan sumbangan mereka sebagai penasihat ataupun 'mentor' kepada pemimpin-pemimpin muda.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tidakkah dasar yang fleksibel mengenai umur pemimpin-pemimpin belia ini boleh menjadi satu dilema bagi golongan belia dalam lingkungan umur yang ditetapkan dengan golongan tua yang masih berminat hendak memimpin belia, di mana sekarang ini terdapat pemimpin-pemimpin yang lebih umur menggunakan belia itu sebagai base untuk mempertahankan perjuangan mereka?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinanlah bahawa ini dijadikan sebagai peluang untuk orang lama memimpin persatuan-persatuan belia.

Saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini ingin mengatakan bahawa kita tidak meminta mereka meletakkan jawatan mereka, tetapi kita minta mereka kalau boleh memberi peluang kepada orang-orang muda supaya mereka diberi peluang. Jadi, dalam negara yang demokratik ini susah kita hendak memastikan segolongan penduduk negara kita ini supaya mereka tidak memimpin persatuan belia. Pada satu hari nanti kemungkinan Kementerian Belia dan Sukan kalau tengok masanya sudah sampai, kemungkinan kita akan membuat sesuatu supaya orang muda dapat mengetuai belia.

PELAJAR SEKOLAH MENAIKI BAS - LANGKAH MENGELAK KEGIATAN TIDAK SIHAT

3. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada mempunyai cadangan untuk mewajibkan semua pelajar menaiki bas sekolah pergi balik dari sekolah supaya mereka akan terus pulang ke rumah selepas waktu persekolahan bagi mengelakkan penyertaan kegiatan yang tidak sihat di kalangan pelajar; dan

- (b) apakah perkembangan yang terbaru mengenai sekolah-sekolah yang menjalankan pendidikan satu sesi sahaja dan berapa buah sekolah telah pun dikenalpasti untuk mengadakan projek “pilot” tersebut.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mewajibkan semua pelajar sekolah menaiki bas sekolah untuk mereka berulang-alik ke sekolah.

Dalam menentukan cara pengangkutan anak-anak ke sekolah, ibu bapa berhak membuat pilihan sendiri, terpulanglah kepada mereka menentukan cara yang paling sesuai dan selamat.

- (b) Rancangan pelaksanaan persekolahan satu sesi dengan waktu persekolahan yang dipanjangkan dijangka akan bermula pada 9hb. Jun, 1997 akan datang ini iaitu bulan hadapan. Ia merupakan satu percubaan yang melibatkan 28 buah sekolah di seluruh negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada minggu yang lepas saya mengekori dua buah bas sekolah dan saya dapati di dalam dua buah bas sekolah ini penuh dengan murid-murid atau penuntut-penuntut bergayut kerana tidak ada tempat duduk. Adakah perbuatan seperti ini dibenarkan atau adakah undang-undang yang mengehadkan murid-murid sekolah ini jangan berdiri supaya tidak sesak dimuatkan di dalam sebuah bas, mesti ada semua tempat duduk, kalau tidak - tidak boleh naik bas.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini senang sangat jawapannya, tetapi kemungkinan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa tahu mengenai hal ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jawapannya paling mudah ‘tanya JPJ’. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah persediaan oleh kementerian agar sekolah-sekolah satu sesi tidak sahaja menekankan kepada soal-soal akademik, tetapi memberi perhatian kepada pembentuk sahsiah pelajar ataupun melahirkan pelajar yang seimbang?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah salah satu daripada hasrat kita, memandangkan kepada senario yang menyelubungi anak-anak kita yang sedang bersekolah sekarang ini dan kita harap dalam tempoh yang kita buat secara perintis selama 2 tahun itu, yang melibatkan 28 buah sekolah dan 2 buah sekolah di tiap-tiap negeri. Kita bercadang untuk memanjangkan tempoh waktu belajar sehingga pukul 4.00 ataupun 4.30 petang. Tujuan kita ialah untuk mengisi apa juga ruang lapang yang ada sekarang ini di kalangan murid-murid bagi cuba menghindarkan mereka itu daripada terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang memudaratkan masa depan mereka.

Kita juga akan meneliti dengan cermat sepanjang proses percubaan selama dua tahun ini dan kita berharap sangat supaya pelajar-pelajar kita dapat mengisi masa mereka melalui kegiatan-kegiatan bukan sahaja akademik, tetapi dalam masa yang sama soal melentur dan membentuk akhlak yang mulia di kalangan anak-anak kita.

PELABURAN ASING TAHUN 1994/1995/1996 - JUMLAH

4. **Dato' Chet Sing a/l Karam Singh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan asing untuk tahun 1994, 1995 dan 1996 dan pecahan mengikut negeri; dan

- (b) dari pelaburan berkenaan, jumlah yang dilabur dalam industri berteknologi tinggi dan kedudukannya mengikut negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan untuk dijawab pada 2hb. Jun, kerana kedua-dua soalan ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MITI bagi tahun 1994, 1995 dan 1996 ialah masing-masing RM11.3 ribu juta, RM9.1 ribu juta dan RM17.1 ribu juta.

Bagi tempoh 1994 sehingga 1996 pelaburan asing yang terbesar ditempatkan di negeri Kedah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.2 ribu juta diikuti oleh Johor RM8.3 ribu juta, Selangor RM4,000 juta, Pulau Pinang RM3.4 ribu juta dan Negeri Sembilan RM2.9 ribu juta.

Pelaburan asing dalam projek berteknologi tinggi iaitu projek-projek yang mendapat insentif hi-tech, dengan izin bagi tahun 1994, 1995 dan 1996 ialah masing-masing RM801.2 juta; RM103.8 juta dan RM316.6 juta.

Bagi tempoh 1994 sehingga 1996 negeri Kedah menerima pelaburan asing dalam industri berteknologi tinggi yang paling banyak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM991.8 juta diikuti oleh Pulau Pinang RM151.3 juta, Melaka RM138.5 juta dan Selangor RM101.8 juta dan Johor RM8 juta.

Sepanjang tempoh 1991 sehingga 1996, hanya 24 projek perkilangan milik asing sepenuhnya dan projek majoriti milik asing yang diluluskan telah menutup operasi mereka di negara ini. Penutupan kilang-kilang ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor pasaran di mana kilang-kilang tersebut tidak lagi mampu bersaing di samping masalah-masalah kewangan dan teknikal. Penutupan kilang-kilang tersebut tidak mendatangkan apa-apa masalah kepada negara kerana jumlah pelaburan baru dan pelaburan untuk membesarkan keupayaan dan keluaran telah meningkat dan telah menyerap semua tenaga pekerja yang telah diberhentikan.

Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buah syarikat tempatankah yang melanggar undang-undang import Amerika Syarikat buat masa ini?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Saya perlukan notis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat pelbagai rombongan daripada pihak kerajaan negeri yang keluar negeri untuk menarik pelabur asing. Apakah kesan sebenarnya rombongan-rombongan ini, adakah cost effective, adakah ia sebenarnya perlu ataupun ia menjejaskan usaha MITI. Adakah penyelarasan dilakukan oleh pihak MITI untuk memastikan rombongan-rombongan negeri ini berjaya sebab saya lihat kesan kepada negeri-negeri begitu berbeza, ada yang RM9 bilion dan ada yang tidak sampai pun RM2 bilion? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, memang penyelarasan dilakukan secara berterusan dan dasar-dasar yang diwujudkan oleh kerajaan khususnya kepada MITI tidak akan menjadi kenyataan sekiranya tidak didukung, didorong, dihayati dan difahami oleh pihak kerajaan negeri. Maka, kerajaan mengalu-alukan lawatan-lawatan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri. Dari segi perbezaan pelaburan mengikut negeri, ini tertakluk kepada dasar-dasar dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di negeri-negeri tertentu. Sebagai contoh, seperti saya sebutkan tadi di negeri Kedah, banyak pelaburan yang ditumpukan untuk teknologi tinggi dan sebabnya ialah wujudnya Kulim High-Tech Park. Tidak boleh kita nafikan bahawa projek 'wafer' sebagai contoh memerlukan kemudahan-kemudahan asas yang begitu bermutu dan begitu berkualiti tinggi dan tidak boleh juga dinafikan bahawa pelaburan di dalam sektor ini

yang memakan modal yang begitu tinggi dan pulangan modal itu dalam jangka yang begitu lama memerlukan penglibatan daripada syarikat-syarikat luar.

Maka kefahaman dan kesediaan kerajaan-kerajaan negeri untuk memaklumkan kepada syarikat-syarikat asing mengenai kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan juga bagaimana mereka dapat menarik minat untuk melabur di negeri masing-masing dialu-alukan oleh pihak MITI.

GURU AGAMA ISLAM DI PENJARA- ISU KEKURANGAN

5. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan isu kekurangan guru Agama Islam di dalam jabatan Penjara Malaysia telah lama diperkatakan. Di dapati setakat ini hanya terdapat seorang sahaja yang diisi. Kekurangan guru Agama Islam bukan disebabkan tiada jawatan guru agama tetapi ianya tidak pernah diisi semenjak 5 tahun yang lalu. Apakah ada peruntukan yang diuntukkan kepada guru agama yang bertauliah untuk mencapai sebahagian program pemulihan banduan dan jika ada, kenapakah tindakan masih belum dilaksanakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat 16 perjawatan guru agama yang diperuntukkan kepada Jabatan Penjara Malaysia. Jawatan tersebut adalah terdiri daripada 13 Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Bukan Siswazah dan 3 pembantu hal ehwal Islam. Jawatan Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Bukan Siswazah adalah jawatan kader Kementerian Pendidikan. Daripada 16 jawatan guru agama yang diperuntukkan, 9 jawatan telah diisi iaitu 6 jawatan Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Bukan Siswazah dan 3 jawatan diisi oleh pembantu hal ehwal Islam. Dengan ini terdapat 7 kekosongan yang belum diisi oleh Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Bukan Siswazah. Jabatan Penjara telah memohon kepada Kementerian Pendidikan supaya kekosongan tersebut dapat diisi.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 6.

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA - PEMBELIAN SAHAM OLEH GOLONGAN BUKAN BUMIPUTERA

6. **Tuan Hanipah bin Ahmad [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa terdapat golongan bukan bumiputera yang membeli saham Amanah Saham Bumiputera (ASB) dengan menggunakan pelabur bumiputera. Kalau ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk menentukan supaya usaha kerajaan untuk mencapai 30% pegangan saham oleh bumiputera dalam syarikat awam tidak terjejas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat mengesahkan wujudnya kegiatan di mana golongan bukan bumiputera membeli saham Amanah Saham Bumiputera (ASB) dengan menggunakan pelabur bumiputera. Sekiranya ia terjadi, golongan bukan bumiputera yang melabur menggunakan pelabur bumiputera, menghadapi risiko yang tinggi di mana sekiranya pelabur bumiputera tersebut meninggal dunia, maka semua duit pelaburannya dalam ASB akan menjadi harta pusaka dan akan diagih-agihkan kepada waris terdekat simati.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan ASB kepada golongan yang tergolong di bawah PPRT di tahun-tahun hadapan dan berapakah setakat ini yang telah diberi kepada golongan miskin PPRT ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, skim Amanah Saham Bumiputera - Program Pembangunan Rakyat Termiskin (ASB-PPRT) telah dilancarkan pada tahun 1992 dengan peruntukan asal sebanyak RM500 juta untuk dipinjamkan kepada rakyat termiskin dan tanpa mengenakan faedah bagi membolehkan mereka melabur dalam unit Amanah Saham Bumiputera. Peruntukan ini telah ditambah sebanyak RM200 juta lagi pada tahun 1993 dan RM100 juta lagi pada tahun 1996, menjadi jumlah keseluruhan peruntukan skim ASB-PPRT berjumlah RM800 juta apabila ramai rakyat termiskin telah dikenalpasti.

Sehingga 28hb. Februari, 1997, sejumlah 160,546 keluarga termiskin telah mendapat faedah daripada skim ini. Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan ialah sebanyak RM802.7 juta dan ini bermakna peruntukan yang disediakan sebanyak RM800 juta telah digunakan sepenuhnya. Memandangkan skim ASB-PPRT telah mencapai sasaran yang ditetapkan, kerajaan tidak akan bercadang untuk menambah lagi peruntukan bagi meneruskan skim tersebut.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang disebutkan oleh pihak kerajaan tadi mengenai pencapaian pihak kerajaan untuk memenuhi pegangan Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang dikatakan tadi?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Apa yang dimaksudkan bahawa jumlah keluarga termiskin yang ada dalam rekod kita adalah seramai 142,765 orang yang berdaftar di Icu ataupun di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1991. Sejumlah 160, 546 keluarga termiskin telah pun menerima faedah daripada ASB-PPRT ini. Ini bermakna jumlah yang menerima melangkaui jumlah yang berdaftar pada tahun berkenaan. Terima kasih.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA - KELULUSAN MENGIKUT KAUM

7. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) berapa ramaikah penuntut yang lulus dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 1996 mengikut kaum, Melayu dan bukan Melayu dan butiran angka ramai kelulusan dalam 5,4,3,2 dan 1 mata pelajaran; dan
 - (b) adakah kerajaan mempunyai cadangan mengkaji semula sistem Sijil Terbuka STPM demi kesesuaian dengan zaman teknologi maklumat (IT).

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelajar yang lulus peperiksaan STPM 1996 mengikut bilangan mata pelajaran adalah seperti berikut:

<u>Mata pelajaran</u>	<u>Bilangan</u>
5P	9,884
4P	6,253
3P	4,633
2P	3,354
1P	2,193

- (b) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan belum bercadang mengkaji sistem sijil terbuka peperiksaan STPM. Ini memandangkan bahawa pendidikan pada peringkat ini memerlukan pengkhususan bidang pengajian bagi melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Berhubung dengan teknologi maklumat, mulai tahun 1997 mata pelajaran pengkomputeran telah diperkenalkan di Tingkatan Enam Rendah di 14 buah sekolah sebagai peringkat permulaan.

MALAYSIA/SINGAPURA - HUBUNGAN DIPLOMATIK

8. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan terkini hubungan diplomatik, ekonomi, kebudayaan dan sosial di antara Singapura dan Malaysia berikutan dengan kenyataan Menteri Kanan Singapura, Encik Lee Kuan Yew yang mencaci nama baik Johor baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan mulut Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail pada hari ini 12hb. Mei, 1997, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan bin Wan Ahmad Tajuddin pada 19hb. Mei, 1997, Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee pada 26hb. Mei, 1997 dan Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan pada 29hb. Mei, 1997 memandangkan bahawa soalan-soalan yang diajukan ialah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu bagi saya menerangkan dengan mendalam peristiwa yang telah berlaku berikutan dengan kenyataan Menteri Kanan Singapura mengenai Johor memandangkan bahawa beberapa kenyataan telah pun dibuat

oleh pemimpin-pemimpin kita - Malaysia - dan berita tersebut telah pun disiarkan dengan meluas oleh media massa.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan Malaysia telah pun menerima permintaan maaf yang dibuat oleh Menteri Kanan Singapura dan memandang secara positif tindakan beliau pada 28hb. April, 1997 untuk menarik balik perenggan-perenggan mengenai Johor daripada affidavitnya. Adalah perlu diakui bahawa episod ini adalah benar-benar menyinggung perasaan, kerajaan dan rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat dan pemulihan semula hubungan dua hala dalam semua bidang kerjasama kepada tahap yang dahulu akan mengambil masa. Walau bagaimanapun, peristiwa ini tidak akan mempengaruhi perhubungan di peringkat ASEAN mahupun di peringkat pelbagai hala.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seiring dengan permintaan maaf oleh Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew kepada Kerajaan Malaysia, apa pandangan kerajaan terhadap kenyataan yang didedahkan oleh akhbar Singapura berkenaan dengan kejadian jenayah di Johor?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mengatakan bahawa apakah tujuan dan muslihat di belakang pendedahan ini adalah terserah kepada mereka dan bahawa kita telah menganggap kita telah menerima permintaan maaf dari Menteri Kanan Singapura dan kita sebenarnya dari dulu tidak pernah ingin bermusuh dengan sesiapa dan kita sentiasa berbesar hati untuk menerima kalau sesiapa pun telah mengakui mereka bersalah. Sekian.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, cuma soalan yang pendek. Apakah hasil positif daripada episod tersebut?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menganggap memang perkara positif timbul dari episod ini bagi kita ialah bahawa kita sentiasa boleh menyatakan bahawa sepertimana yang saya kata dulu bahawa kita sentiasa berbaik dengan jiran-jiran kita dan kita sentiasa menyatakan bahawa dalam dasar luar kita pun

juga pelbagai hala dan dua hala, kita sentiasa menyokong pendirian atau perkembangan atau pembangunan negara-negara jiran kita dan sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengatakan bahawa, dengan izin, we have a policy of prospering die never dan ini adalah satu tujuan bahawa yang penting kepada negara kita ialah kita sentiasa mengekalkan kestabilan dan kedamaian di rantau ini dan ini penting untuk kita sama-sama untuk mendapat manfaat dari pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di wilayah ini dan itulah dalam episod ini kita sekali lagi nyatakan pendirian kita bahawa kita tidak bermusuhan-musuhan dengan sesiapa pun dan bahawa kita ini ingin berbaik dengan semua dan kita telah menyatakan kalau kita berkawan pun jaga-jagalah apa yang kita sebut. Sekian.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan masalah ini sudah selesai. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan adakah cadangan kerajaan untuk menjemput Menteri Kanan Singapura ini untuk melawat Malaysia dan taklimat-taklimat diberi kepada beliau?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini memanglah kalau orang hendak datang melihat atau melawat negara kita, kita sedia menerima asal tujuan dan niatnya baik.

PROGRAM “RUMAHKU SYURGAKU” - KEBERKESANAN

9. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan setelah unit khidmat rundingan keluarga di Jabatan Agama Islam Negeri ditubuhkan, kerajaan telah melancarkan program “Rumahku Syurgaku” bertujuan untuk menerapkan dasar pembangunan keluarga:

- (a) sejauh manakah keberkesanan dalam hubungan kekeluargaan setelah program ini dilancarkan; dan
- (b) selain daripada Jabatan Agama Islam, jabatan manakah yang terlibat dalam usaha mencapai matlamatnya dan sehingga kini, adakah program ini masih dijalankan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Program “Rumahku Syurgaku” diperkenalkan oleh kerajaan dalam tahun 1992 dan banyak memberi kesan positif yang kita dapat lihat hasil dari program ini. Antaranya ialah:

- timbul kesedaran ketua keluarga tentang pentingnya meluangkan lebih masa untuk bersama keluarga dan anak-anak; dan
- timbul kesedaran yang menyeluruh di kalangan semua peringkat masyarakat tentang betapa pentingnya diperkembangkan institusi keluarga.

Kesan daripada program ini juga kita dapati masyarakat makin berminat untuk mengikuti program ceramah, forum, seminar, kuliah berbentuk kekeluargaan dan penglibatan agensi swasta dan badan berkanun dalam pengendalian aktiviti ke arah memantapkan institusi kekeluargaan telah bertambah.

(b) Antara jabatan yang terlibat bagi menjayakan program Rumahku Syurgaku ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dewan Bandaraya, Kementerian Kesihatan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, institusi pengajian tinggi, majlis-majlis daerah dan lain-lain.

Program Rumahku Syurgaku masih lagi diteruskan dan di antara program yang diberi keutamaan pada masa ini ialah pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Kursus ini merupakan kursus yang mesti diikuti sepenuhnya oleh bakal-bakal pengantin baru yang akan mendirikan rumah tangga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengikut kajian yang dibuat oleh seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan iaitu Hasmah binti Mohd. Nor mengatakan 72% kejadian jenayah seks yang berlaku di rumah tangga itu adalah dilakukan oleh bapa kandung dan bapa tiri. Nisbah bapa kandung merogol anak sendiri dua kali ganda lebih banyak berbanding bapa tiri merogol anak tiri, 90% kes merogol muhrim sendiri melibatkan orang Melayu dan Indonesia di negara ini, 70% mangsa merupakan kanak-kanak perempuan yang berusia kurang daripada 16 tahun. Daripada kajian ini, adakah kerajaan memberi alasan tadi bahawa banyak program yang dibuat ini membantu ke arah hendak bendung kejadian seperti ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah untuk membantu tetapi kalau manusia yang tidak bertanggungjawab, maka berlakulah perkara-perkara yang dinyatakan tadi.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa pelbagai keberkesanan dalam hubungan kekeluargaan yang telah dapat dijayakan oleh program Rumahku Syurgaku. Soalan saya ialah apakah asas yang telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengatakan bahawa adanya keberkesanan dan jayanya program tersebut?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bagi hendak menentukan secara detail asas yang membantu kejayaan ini memanglah sukar, tetapi hakikatnya kedapatan sekarang kalau dahulu ibu bapa tidak begitu mengambil kira mengenai perjalanan anak-anak mereka, sekarang ini saya kedapatan orang-orang kita memang mengambil berat. Contoh-contohnya banyak, kalau sekiranya anak mereka hendak pergi ke sekolah, kadangkala ada di antara mereka mesti mengambil tahu menghantar dan mengambil anak mereka. Selain daripada itu, kalau sekiranya anak-anak

mereka berlaku apa-apa perkara yang tidak baik, mereka akan terus mengambil tindakan segera bagi mengatasi perkara yang berlaku.

Tetapi perkara pokok bagi menentukan anak-anak ini lebih berkesan lagi ialah setakat mana layanan ibu bapa itu kepada keluarga dan anak-anak mereka di rumah. Kalau keluarga ini mengambil berat beberapa perkara penting, misalannya menghidupkan sembahyang berjemaah, membaca Quran beramai-ramai, membaca buku agama bersama-sama, makan bersama sekeluarga, kalau kita hendak masuk bilik ibu, anak kita mesti minta izin, memberi salam semasa masuk dan balik ke rumah dan hubungan kedamaian dan kerukunan rumah tangga sentiasa membantu di antara satu sama lain di rumah, kalau isteri memasak, suami pun tolong sama. Jadi, saya percaya kalau perkara ini dapat dilakukan oleh keluarga, saya membayangkan hasrat kita untuk menjadikan Rumahku Syurgaku akan menjadi kenyataan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan dari saya kepada pihak kerajaan ialah adakah pihak kerajaan sedar peningkatan yang kini berlaku dari segi kes-kes cerai-berai di Mahkamah Syariah yang bukan sahaja meningkat tetapi mengikut kompelin-kompelin yang tersiar di dalam surat-surat khabar mengatakan terlalu lambat penyelesaian yang dibuat, yang ini mengakibatkan sebagai satu kontradiksi daripada konsep Rumahku Syurgaku ini tadi, yakni peningkatan. Jadi, apakah jumlah peningkatan yang sekarang ini dapat diselesaikan oleh pihak Mahkamah Syariah dan apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan perkara ini supaya Rumahku Syurgaku sebagai satu konsep dapat kita tegakkan dengan baik?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya konsep Rumahku Syurgaku ialah kita tidak begitu senang hati kalau sekiranya berlaku penceraian di antara suami isteri. Yang kita harapkan ialah supaya suami isteri ini berkekalan hingga akhir hayat. Sebab itulah masa kahwin kita katakan 'biar berkekalan sampai anak cucu', bimbang sampai dapat anak, ada cucu, selepas itu dia bercerai. Sebab itulah kita mengucapkan perkahwinan 'supaya berkekalan sehingga akhir hayat'. Konsep itu kena dibetulkan.

Kemudian apabila berlaku penceraian, perkara yang paling dimurkai oleh Allah S.W.T. ialah bercerai. Walaupun benda itu diharuskan, dibolehkan, tetapi amat dimurkai oleh Allah S.W.T. Sebab itu, bagaimana sekalipun, ada satu cerita, dua oranglah - suami isteri, dia kata kepada isterinya, 'kalau semasa aku marah, tolong kamu pujukkan aku'. Dia bercakap kepada isterinya, 'kalau kamu marah, aku akan memujuk kamu'. Tetapi kebanyakan orang kita, kalau kita marah sekali, isteri marah 10 kali. Kalau isteri marah, orang laki-laki lagi marah. Sebab itu berlaku penceraian, pada hal kalau nampak isteri kita naik angin sedikit, kita pujuk, 'janganlah marah sayang'. Jadi, tidak jadilah dia hendak marah. *[Ketawa]* Ini tidak, sekali dia marah, 10 kali kita lawan. Itu dalam konsep Islam.

Apabila berlaku penceraian, memanglah satu perkara yang agak sukar bagi mahkamah menjalankan terus hukum. Kita terpaksa meneliti dengan sebaik mungkin, sebab harapan kita supaya kalau boleh penceraian ini diselesaikan dengan baik. Kalau masa dalam idah, kalau boleh, kita beri kaunseling supaya dia rujuk (balik semula). Inilah yang sebaik mungkin. Jadi, dalam hal ini kerajaan mengambil banyak tindakan, kita mengadakan Mahkamah Syariah, menambahkan lagi kakitangan supaya kes-kes yang sedemikian rupa dapat kita selesaikan dengan secepat mungkin.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG BERDAFTAR - JUMLAH

10. Tuan Haji Othman bin Yunus minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa ramaikah kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kerja Raya mengikut kelas-kelas seperti:

- (i) Kelas A
- (ii) Kelas B
- (iii) Kelas BX
- (iv) Kelas D
- (v) Kelas F

sehingga akhir bulan April, 1997. Dan berapa ramaikah pula yang telah ditarik balik pendaftaran mereka atas sebab-sebab tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran kontraktor bumiputer ialah di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan dan tidak di Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor sehingga 6hb. Mac, tahun ini ialah sebanyak 14,208.

Bilangan kontraktor mengikut kelas-kelas ialah seperti berikut:

Kelas A	-	161
Kelas B	-	87
Kelas BX	-	223
Kelas C	-	156
Kelas D	-	1,285
Kelas E	-	277
Kelas EX	-	91
Kelas F	-	11,928
Jumlah:		<u>14,208</u>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera yang pendaftarannya telah ditarik balik sehingga kini ialah 2,767. Di antara sebab-sebab pendaftaran mereka ditarik balik atau dibatalkan ialah gagal membayar yuran, pemalsuan sijil dan surat taraf, perubahan struktur syarikat, pembatalan taraf bumiputera, penipuan kerja kontrak dan ekoran dari tindakan mahkamah.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika Junaidah.....

Tuan N. Marimuthu: Marimuthu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak nampak Yang Berhormat bangun.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua mesti lihat ke sini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah bilangan kontraktor dari kaum India memperolehi kontrak kelas F?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan spesifik dan saya perlukan notis.

INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA - USAHA MEMPROMOSI

11. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian untuk mempromosikan industri pelancongan negara ke merata dunia:

- (a) berapa misi pelancongan yang telah berjaya dianjurkan; dan
- (b) mengapakah kerajaan mempunyai dasar untuk mempromosikan 8 destinasi sahaja kepada pelancong-pelancong luar negara dan apakah kriteria pemilihan destinasi-destinasi tersebut.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan:

(a) Misi pelancongan yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga bentuk:

- (i) aktiviti promosi utama iaitu misi penggalakan pelancongan;
- (ii) promosi pengguna serta pameran dan pertunjukan. Promosi pengguna merangkumi promosi pusat membeli belah, taman tema; dan
- (iii) promosi makanan dan kebudayaan.

Sejak tahun 1990 sehingga 1996 sebanyak 35 misi penggalakan pelancongan serta 50 promosi pengguna telah diadakan. Di samping itu, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia juga telah menyertai sebanyak 150 buah pameran dan pertunjukan bertaraf antarabangsa di seluruh dunia. Untuk tahun 1997 sebanyak 7 misi penggalakan pelancongan, 22 promosi pengguna dan 38 pameran dan pertunjukan telah dan akan diadakan.

(b) Adalah dimaklumkan bukanlah menjadi dasar kerajaan hanya mempromosikan lapan destinasi sahaja kepada pelancong sepertimana difahami. Sebenarnya lapan destinasi ini diperkenalkan atas kesedaran bahawa sudah tiba masanya Malaysia dikenali dengan lebih terperinci melalui destinasi-destinasi dan tidak hanya secara umum. Langkah ini diambil sejajar dengan trend percutian masa kini, terutamanya di kalangan negara-negara bersaing. Sebagai contohnya, Bali untuk Indonesia dan Phuket untuk Thailand.

Sukalah juga dimaklumkan di sini bahawa dasar ini tidaklah hanya terikat kepada lapan destinasi sedia ada, iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi, Pangkor, Melaka, Taman Negara, Kinabalu dan Sarawak sahaja. Bahkan ianya kini telah ditambah menjadi 12 destinasi dengan memasukkan Johor Bahru, Tasek Bera, Tasek Kenyir dan Lembah Danun. Jumlah destinasi ini akan turut ditambah dari masa ke semasa.

Kaedah destinasi-destinasi ini dipilih adalah berdasarkan kepada keistimewaan destinasi tersebut kepada pasaran sasaran yang telah dikenal pasti. Antara daya tarikan utama destinasi adalah seperti berikut:

Destinasi	Keistimewaan
Kuala Lumpur	- membeli-belah.
Pulau Pinang	- makanan.
Langkawi	- pantai, pulau dan resort.
Pangkor	- pantai, pulau dan resort.
Melaka	- kesan tinggalan sejarah.
Taman Negara	- pengembaraan alam semulajadi
Kota Kinabalu	- pengembaraan alam semulajadi
Sarawak	- kebudayaan kesenian.
Johor Bahru	- rekreasi, membeli-belah dan sukan.
Tasek Bera	- aktiviti ecotourism.
Tasek Kenyir	- pengembaraan, alam semulajadi dan rekreasi.
Lembah Danun,	- hutan, alam semulajadi dan ekologi

SMART CARD - MENGGANTIKAN FUNGSI KAD PENGENALAN

12. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah kementerian akan mengeluarkan 'smart card' bagi menggantikan fungsi kad pengenalan dan adakah keselamatan kad ini terjamin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan 'smart card' atau kad pintar bagi menggantikan kad pengenalan masih di dalam kajian kerajaan. Aspek keselamatan adalah di antara ciri-ciri yang diambil kira dan diberi keutamaan di dalam kajian tersebut.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, yang dikatakan 'smart card' ini dalam proses dan sebagainya. Apa yang saya hendak bertanya, kad kita yang lama itu handal. Yang digantikan ini kenapa banyak yang sudah bertukar warna, pada hal yang asal masih lagi elok. Kalau sudah pakai 'smart card' macam mana pula? Itu sahaja.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya faham maksud Yang Berhormat ialah kad pengenalan pada masa kini tidak pakai. Memang pada masa kini kad pengenalan itu merupakan satu kad di mana kertas yang dibuat daripada kertas sekuriti itu mungkin kualitinya kita tidak cukup puas hati, kerana kita tidak belanjakan banyak wang terhadap kad yang sedia ada. Itu pun kita kutip hanya RM4.00 sebagai hasil setem untuk kita ambil kira kemampuan populasi kita terutamanya orang yang kurang mampu.

Tetapi 'smart card' ini satu perkara yang lain. Ini bukan di dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri sahaja. 'Smart card' yang kita maksud ini adalah satu rancangan jangka panjang menjelang 2020 kita perlu ada satu kad di mana banyak maklumat penduduk kita simpan dalam data, di mana kad ini boleh guna sebagai satu kad

membaca semua maklumat. Itu dirancang secara bersepadu. Pada masa kini Bank Negara yang sedang buat kajian itu, bukan Kementerian Dalam Negeri.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab di waktu kad baru dibuat dahulu, dalam laporan *Hansard*, dan saya waktu itu berada dalam Dewan Rakyat, kerajaan memberi jaminan dan memberi perakuan bahawa kad pengenalan yang dibuat baru ini yang terbaik, yang terancang. Dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datin Wan Intan. Soalan saya, saya hendak tunjuk kepada Tuan Yang di-Pertua, ini kad pengenalan sekarang. [*Sambil menunjukkan kad pengenalan*] Kalau dibanding dengan kad lesen memandu kereta jauh lebih baik. Ini lebih murah daripada harga kad pengenalan.

Jadi, kalaulah beri jawapan hendak buat 'smart card' nanti bahawa lebih baik, saya kurang yakin. Sebab pengalaman dahulu membuktikan bahawa tidak sebaik sebagaimana jaminan yang diberi. Minta penjelasan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak kali jelas di Dewan, bukan sahaja di Dewan ini tetapi juga di Dewan Rakyat bahawa kad bermutu tinggi yang kita gunakan pada masa kini bukan bermutu tinggi dari segi kualiti fizikal. Bermutu tinggi ialah dari segi ciri-ciri keselamatan di mana kad ini boleh dibaca dengan komputer. Kalau kita gunakan kad lesen memandu kereta dan lain-lain itu, ianya tidak ada simpan maklumat seperti kad sekarang yang ada pada kita ini. Apa yang telah kita lakukan kita masukkan semua maklumat penduduk seluruh negara masuk dalam satu sistem centralize computer. Itulah yang memakan masa, itulah yang memakan belanja. Kalau kita hendak buat satu kad nampak elok cantik tetapi sebenarnya ianya tidak boleh guna untuk simpan data, maka kita boleh buat, RM2.00 pun boleh buat, lagi cantik daripada ini.

Tetapi saya mengaku....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kalau hendak dibandingkan kad pengenalan sekarang dengan lesen kereta, tengok kertas yang digunakan. Jangan belit-belit pusing, cakap betul-betul.

Dato' Ong Ka Ting: Sudahlah, betul. Itu yang saya sebutkan. Baru saya kata bukan fasal kertas itu. Sebab kad pengenalan baru sekarang ini - Yang Berhormat Datuk pernah dengar saya bercakap di Dewan Rakyat. Saya pernah jawab begitu consistent, terhadap Pembangkang pun serupa. Sebab inilah satu hakikat, satu fakta tidak boleh diputar belit oleh saya dan sesiapa. Kerana ini memang satu kad yang diluluskan oleh Kabinet, dikaji betul-betul, dan kita gunakan pakar yang sama mencetak wang kertas kita untuk buat kad itu. Bukan siapa-siapa pemborong.

Maka saya hendak jamin sekali ialah kad sekarang ini ialah untuk menjaga ciri-ciri keselamatan setiap penduduk. Saya baru kata saya mengaku ada kelemahan kad itu dari segi pembalutnya. Pembalut itu memang pada satu ketika senang dibuka. Itu kita tidak puas hati. Oleh sebab itu, kita beritahu kepada orang yang bertanggungjawab bahawa kita mahu jaga kualiti lebih elok. Pada masa kini kualiti itu sudah dapat diperbaiki, iaitu pembalut itu sudah dilekat sekali sama dengan kertas, tidak boleh buka dengan senang. Setahu saya kualiti yang kurang baik ialah pada tahun 1992, 1993, 1994. Tetapi pada tahun 1995 onwards kualitinya lebih bagus. Itulah dapat saya jelaskan.

MSC - FAEDAHNYA KEPADA RAKYAT LUAR BANDAR DAN KESAN NEGATIFNYA

13. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) faedah-faedah Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada rakyat Malaysia khususnya yang berada di luar bandar; dan

- (b) kesan-kesan negatif jika ada daripada pelaksanaan dalam bidang teknologi maklumat yang canggih kepada majoriti rakyat di negara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan kesemua soalan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dikemukakan dalam sesi Dewan Negara ini, memandangkan soalan-soalan ini menyentuh perkara-perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MSC akan membawa faedah kepada seluruh negara dalam bentuk pembangunan kawasan MSC. Perkhidmatan-perkhidmatan teknologi maklumat yang akan diperkenalkan dan peluang-peluang perniagaan hasil dari pelaksanaan aplikasi flagship berikut:

- (i) rangkaian pembuatan global (worldwide manufacturing web);
- (ii) pusat pemasaran tanpa sempadan (borderless marketing);
- (iii) pusat penyelidikan dan pembangunan (research and development cluster);
- (iv) sekolah Bistari (smart school);
- (v) kad pelbagai guna (multi-purpose card);
- (v) teleperubatan (telemedicine);
- (vi) kerajaan berelektronik (electronic government).

Walau bagaimanapun, rakyat dari seluruh pelosok negara hendaklah mendapatkan faedah dari MSC. Kemudahan-kemudahan IT di MSC boleh dinikmati oleh rakyat melalui talian-talian komunikasi dihubungkan kepada MSC. Pendek kata MSC akan menawarkan rakyat dengan kehidupan baru. Untuk menjayakan aplikasi flagship di atas, undang-undang siber yang berupa “high impact” yang akan digubal termasuklah:

- (i) Akta Tandatangan Digital;
- (ii) Akta Hakcipta (Pindaan);
- (iii) Akta Jenayah Komputer;
- (iv) Telemedicine Act;
- (v) Electronic Government Act; dan
- (vi) Multimedia Convergence Act.

Undang-undang ini adalah diperlukan untuk menggalakkan perdagangan elektronik (Commerse Enabling Laws) di samping memberi perlindungan kepada pengguna, (Societal Laws). Dalam sesi Parlimen ini, empat rang undang-undang di atas telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan selebihnya akan dibentangkan dalam sesi Parlimen yang akan datang.

Kerajaan sedar bahawa kejayaan pembangunan projek MSC ini bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman semua pihak yang terlibat mengenai projek tersebut. Sejak ianya dilancarkan sebagai langkah agresif untuk mempromosi dan menarik penglibatan para pelabur asing untuk menyertai MSC telah dijalankan. Multimedia Development Corporation (MDC) telah dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan maklumat dan memberi kesedaran serta penerangan dengan secukupnya supaya dapat mendedahkan rakyat tentang manfaat yang boleh diperolehi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengetuai pelbagai misi serta perbincangan mengenai MSC dengan organisasi, pakar serta personaliti-personaliti terkemuka dunia dalam multimedia dan teknologi maklumat. Lawatan penerangan dan pelawaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima sambutan yang baik sekali dan berjaya menubuhkan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang terdiri daripada 29 orang ahli. Ahli-ahli IAP terdiri dari tokoh

industri IT yang terkemuka yang mana Malaysia telah mencatatkan sejarah bagi mengumpulkan mereka untuk berganding bahu memberi nasihat serta pandangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menerajui MSC.

Selain daripada itu, pelbagai aktiviti penerangan dan publisiti mengenai MSC sedang dan akan dijalankan untuk memastikan semua rakyat Malaysia dapat informasi yang jelas dan pendedahan yang secukupnya mengenai MSC. Usaha untuk memberi latihan kepada kakitangan jabatan kerajaan juga sedang dilaksanakan di peringkat Wilayah Persekutuan dan negeri. Pihak swasta juga sedang memainkan peranan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi memperkenalkan alat-alat multimedia/IT sama ada melalui produk ataupun latihan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan penyertaan rakyat Malaysia di dalam projek MSC. Pada hakikatnya kejayaan MSC adalah bergantung kepada keupayaan industri tempatan untuk bersama-sama terlibat dalam penggunaan dan pembangunan teknologi multimedia. Pada masa ini lebih kurang 950 buah syarikat telah menunjuk minat menyertai projek MSC melalui expression of interest, dengan izin, yang telah dikemukakan kepada pihak MDC dan di antaranya 4 buah yang telah diberi kedudukan MSC ataupun MSC status, iaitu MIMOS, Telekom Malaysia, NTT dan Sun Micro System. Status MSC ini adalah diberi berasaskan tiga kriteria utama:

- (i) syarikat mesti mengeluarkan produk ataupun perkhidmatan multimedia dan IT yang bertaraf antarabangsa;
- (ii) mempunyai pekerja mahir atau knowledge worker yang mencukupi;
dan
- (iii) syarikat-syarikat ini mesti mempunyai kemampuan memindahkan teknologi.

Borang-borang permohonan bagi mendapatkan status MSC boleh diperolehi daripada MDC. Setakat ini sambutan daripada syarikat antarabangsa dan syarikat tempatan adalah amat menggalakkan.

Rancangan kerajaan untuk menggalakkan penyertaan tempatan dalam projek MSC adalah dengan mewujudkan venture capital atau membangunkan pasaran Over Trade Counter (OTC). Selain daripada pemberian geran penyelidikan dan pembangunan kepada syarikat-syarikat tempatan kerajaan juga memperuntukkan 20 peratus daripada belanjawan R & D dalam RMK-7 kepada MDC untuk diagihkan kepada syarikat kecil dan sederhana.

Projek MSC akan membawa pelbagai faedah kepada rakyat dan negara. Di antaranya adalah penarikan syarikat-syarikat ulung dalam teknologi maklumat untuk menempatkan aktivitinya di MSC. Melalui kehadiran syarikat-syarikat ini pemindahan teknologi yang baru dapat dicapai oleh syarikat-syarikat tempatan. Di samping itu syarikat-syarikat tempatan akan mendapat peluang untuk melibatkan diri dalam industri multimedia melalui konsortium atau joint venture dengan syarikat-syarikat ini.

Dengan berlakunya perkembangan pesat dalam industri teknologi maklumat, sudah tentu rakyat akan terdedah kepada pelbagai jenis maklumat termasuklah unsur-unsur negatif, khususnya yang sering dibangkitkan ialah pengaliran masuk unsur-unsur lucah.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun minta jalan.

Dato' Chan Kong Choy:ya, sebelum habis..

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta penjelasan sama ada

Dato' Chan Kong Choy: Sebelum saya habis Yang Berhormat boleh minta penjelasan....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:Yang Berhormat nak bagi taklimat mengenai multimedia atau nak jawab khusus dengan soalan ini?

Dato' Chan Kong Choy: Saya jawab semua sekali soalan yang dibangkitkan, sekaligus. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Internet perkara ini boleh berlaku di mana-mana jua dan agak sukar untuk dikawal. Dalam hubungan ini adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak dan muda mudi kita supaya mereka menerapkan nilai-nilai murni yang boleh membantu mereka membuat sesuatu keputusan dengan rasional. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL-USUL

JALAN-JALAN DAN LORONG-LORONG KE BANGUNAN PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan

Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMILIH

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) majlis Dewan Negara memutuskan iaitu ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.

- (i) Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat;

- (ii) Yang Berhormat Khoo Keok Hai;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu; dan
- (iv) Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Dato' Ong Ka Ting: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) majlis Dewan Negara memutuskan iaitu ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.

- (i) Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat;
- (ii) Yang Berhormat Khoo Keok Hai;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu; dan
- (iv) Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG

3.53 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.”

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan titahnya terbukti cekap dan bijak dalam keprihatinan dan perhatiannya tentang hal ehwal rakyat dan pentadbiran negara. Baginda telah menggariskan satu agenda dan perancangan negara yang terfokus dan terteliti untuk melaksanakan matlamat Wawasan 2020. Jelas perancangan negara menekankan perkembangan dan kemapanan ekonomi negara yang berjaya dikekalkan pada kadar melebihi 8 peratus selama hampir satu dekad dan perlu dikekalkan pertumbuhan berkembang menurut kadar purata kira-kira 7 peratus setahun dalam masa 30 tahun lagi.

Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam memberi penekanan ekonomi, tegas memikul tanggungjawab menjadikan Malaysia negara membangun dalam acuannya sendiri, yakni satu kemajuan dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan bangsa sendiri.

Perdana Menteri jelas hala tujunya, bernas perancangannya dan yakin akan komitmen dan kemampuannya. Dua perkataan semangat dan idealismenya ‘Malaysia Boleh’. Syabas dan tahniah kepada seorang negarawan Malaysia bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, agenda yang paling cela dan tidak berguna adalah agenda yang begitu sempurna tetapi tidak dilaksanakan. Ini adalah satu ingatan Perdana Menteri yang disokong oleh salah seorang ahli perniagaan yang ingin saya petik daripada *Time* magazine; yang dikatakan akan membentuk tahun 1997. Seorang yang bernama ‘Percy

Barnevik' yang mungkin kita tidak kenali. Tetapi apa yang dikatakannya ingin saya ungkapkan - yang selari dengan yang di maksudkan oleh Perdana Menteri kita, dengan izin;

“We do not need any more bright ideas in business success is 5% strategy, 95% execution.”

Justeru itu kunci kejayaan sesuatu agenda ialah kemampuan pelaksanaan yang efisien, lagi cekap dan berketepatan matlamat dan hasil. Nyata agenda sahaja tidak mencukupi. Nyata juga perancangan dalam pelbagai bentuk jangka panjang dan jangka pendek seperti Rancangan Malaysia Ketujuh dan Pelan Induk Perindustrian Negara Kedua dan pelbagai lagi memerlukan satu tindakan pembaharuan dan perubahan dalam bentuk dalaman diri seseorang atau dalam bentuk, dengan izin renaissance move yang berbentuk baru menyentuh pembangunan akal budi, ikhlah seseorang, kreativiti hati manusia itu sendiri dan satu gagasan gergasi mobilasi rakyat yang lebih terancang selain daripada prasarana fizikal dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, sumber manusia di negara ini terkumpul dalam 20.69 juta. Ini ialah angka yang disebut dalam tahun 1995. Manusia yang hampir 30 peratus adalah di bawah umur 15 tahun dan pembangunan manusia diperuntukkan dalam lima bab di antara 23 bab di dalam RMK-7. Bab IV - Tenaga Manusia, Bab X - Pendidikan dan Latihan, Bab XVII - Kesihatan, Bab XVIII - Perkhidmatan dan Sosial, Bab XX - Dalam Pembangunan dan Bab XXI - Belia Dalam Pembangunan. Kesemuanya dalam 18 bab lagi ialah mengenai pembangunan ekonomi.

Penelitian RMK-7 menunjukkan bahawa pembangunan manusia tidak mempunyai rencana program yang menyeluruh, bersiri dan berkomitmen dengan penetapan matlamat dan jangka masa berbanding dengan program pembangunan ekonomi. Pada hemat saya

ini adalah satu, dengan izin lacuna yang tidak wajar dan tidak akan menepati sebuah negara Malaysia membangun dalam apa yang dikatakan acuannya sendiri. Tanpa manusia berwatak, beretika, mempunyai sikap mental yang positif, terlatih dan berkemahiran lebih-lebih lagi dalam era maklumat ini adalah agak sukar untuk rakyat melompat kosmos dengan pemimpin dalam membangunkan negara, terutama untuk memasuki era maklumat dan teknologi, bersaing memajukan Karidor Raya Multimedia yang sepatutnya menjuarakan bakat tempatan mendahului mungkin silicon valley atau Bangalore yang ada di India - kita boleh menjadi silicon valley Timur dan dalam masa yang sama mengadun bentuk dan struktur masyarakat Madani yang diilham dan difalsafahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang tidak adanya keseimbangan fokus yang diberi dalam RMK-7 mengenai perancangan dan program yang diberi dan diperuntukkan untuk pembangunan ekonomi dan apa yang diperuntukkan untuk pembangunan manusia atau pun mungkin juga boleh kita katakan dari segi aspek pembangunan sosial.

Saya berpendapat bahawa sehubungan dengan pembangunan manusia yang kita mahu menjadi manusia yang kamil lagi canggih sains dan teknologi, bahawa perlu wujudnya satu pelan tindakan pembangunan manusia atau apa jua yang bersesuaian namanya untuk digubal sepertimana program ekonomi digubal yang menyelaraskan semua kementerian yang terlibat dengan penuh terperinci supaya kedua-dua perancangan ekonomi dan sosial bergerak selari dan lengkap-melengkapi. Penyelidikan dan kajian sebab musabab latar belakang isu-isu berkaitan perilaku manusia dan masalah sosial hendaklah dikaji dengan teliti dan secara saintifik supaya dapat dikaitkan dengan

kelemahan sistem sosial yang ada dengan tepat dan kajian ini perlu ditafsir dari pendekatan saintifik dan logik dan dengan pendekatan rohaniah dan mungkin tasawuf. Adalah bersesuaian metodologi yang digunakan mengambil kira pandangan ahli sosial sufi, contohnya Jalaluddin Rumi, dalam merasionalisasikan kelakuan dan perilaku manusia yang melalui perubahan evolusi di dalam teori, dengan izin the cyclic being dikaji dan mungkin ini juga saya berpendapat adalah selari dengan saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu kemudahan infrastruktur sosial dan ekonomi perlu diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan seriusnya masalah sosial dewasa ini, kita tidak ada pilihan melainkan mencari metodologi untuk menentukan akhlak mulia dan pada hemat saya secara sains dan falsafah penghayatan nilai murni dan akal budi pekerti yang dapat dibentuk. Profesor Othman Bakar dalam bukunya, dengan izin, 'Tauhid and Science' memberi cadangan-cadangan yang pada pandangan saya perlu diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan penyelarasan program atau pelan induk pembangunan manusia ini adalah dicadangkan satu unit hendaklah diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang merancang program sosial dan pembangunan manusia yang berpandukan penyelidikan terperinci, tepat dan mendalam dengan cara tindakan yang pragmatik.

Apa yang saya difahamkan di Jabatan Perdana Menteri apa yang wujud adalah lebih banyak sektor yang melaksanakan perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan terlalu sedikit yang menyentuh mengenai perkara yang berkaitan dengan sosial.

Saya berpendapat sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan dalam satu bentuk institusi pengajian integrasi generasi masa hadapan dan perlu memberi penekanan nasib generasi masa depan iaitu, dengan izin, satu future generation studies, perlu dibentuk.

Ini adalah penting untuk kita dapat memastikan kesinambungan nilai murni, etika dan budaya positif serta pengagihan sumber dan kekayaan negara terus menerus kepada generasi akan datang iaitu, dengan izin, principles of inter generational ethics equity and equal opportunity accross the generations. Penyelidikan dan kajian seperti ini sebenarnya banyak dibuat di negara Jepun dan pada hemat saya ini adalah satu perkara yang perlu kita tauladani kerana perancangan kita bukan hanya untuk satu generasi tetapi perlu juga mengambil kira akan generasi yang akan datang dan satu perancangan hanya akan mempunyai asas dan boleh diukur kejayaannya dengan cara yang saintifik dan logik.

Tuan Yang di-Pertua, pada perancangan ini juga perlulah ditetapkan perkara yang biasa kita tetapkan untuk perancangan ekonomi seperti 'target' pencapaian, penyelesaian masalah sosial, strategi, semakan, banch mark, dengan izin, dan composite index for quality of life index. Yang perlu menjadi kayu ukur kepada perubahan dan pencapaian sosial di negara ini. Kita perlu juga mewujudkan organisasi yang lebih teratur di semua peringkat untuk pelaksanaan yang menyeluruh dan berkesan iaitu organisasi dan jawatankuasa yang akan selari dengan organisasi jawatankuasa yang dibentuk bagi tujuan pembangunan dan kemajuan sama ada negeri, daerah, mukim dan kampung. Mungkin perlu kita wujudkan agensi-agensi separuh kerajaan untuk masalah sosial yang mungkin, dengan izin, equivalent kepada MIDA, Felcra dan sebagainya. Mungkin perlu kita wujudkan jawatankuasa kemajuan sosial yang beroperasi seiring dengan organisasi kemajuan diberi pengiktirafan dalam bidang kuasa dan rangka kerja.

Saya juga ingin mencadangkan satu role model, struktur fizikal kompleks kediaman penyayang yang dapat mentafsirkan konsep masyarakat penyayang dalam bentuk prasarana fizikal dan seterusnya menghayati segala ciri-ciri apa yang dikatakan, 'Malaysia acuan sendiri'.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan ucapan saya hari ini adalah lebih kepada masalah semasa iaitu masalah sosial yang masih lagi kita banyak tercari-cari apakah penyelesaiannya. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa salah satu perkara asas dalam pembangunan manusia ialah pendidikan.

Adalah mungkin tiba masanya pada pandangan saya, tafsiran pendidikan diperluaskan untuk meliputi pendidikan sepanjang hayat dan pengajian falsafah dan etika. Semua program berkaitan dengan pendidikan hendaklah dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan untuk memudahkan koordinasi dan pelaksanaan. Persediaan rakyat untuk celik komputer dan teknologi perlu dipandang serius sepertimana jugalah kita memberi kelas-kelas dewasa bagi mereka yang buta huruf selepas merdeka dahulu.

Semua lapisan masyarakat adalah perlu diberikan persediaan untuk era teknologi dan maklumat. Kita perlu sedar bahawa evolusi perubahan yang melanda akan berlaku pantas dan jika kita tidak bertindak, kita akan ketinggalan.

Kementerian Pendidikan secara khususnya perlu mengambil inisiatif yang lebih inovatif untuk memastikan murid sekolah rendah dapat menguasai matematik dan sains untuk kemahiran sains asas dalam erti kata sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya dengan gerak gempur yang diadakan di dalam kelas-kelas tingkatan yang menghadapi peperiksaan atau mungkin juga kewujudan apa yang dipanggil sekolah bistari yang masih belum jelas konsep dan pelaksanaannya. Apa

yang sangat kritikal ialah penguasaan matematik dan sains dan kita tahu di negara ini banyak laporan memberi petunjuk yang tidak berapa menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan kepada satu laporan majalah '*The Economics*' keluaran 4hb. April 1997 yang telah memberi satu laporan pencapaian matematik dan sains dalam 'Third International Maths and Science Study Source' di mana keputusan negara-negara yang mengambil bahagian, negara Asia, Europe dan Amerika telah dipamerkan. Dan apa yang didapati ialah negara-negara Asia, Singapore telah mendahului senarai ini, Hong Kong dan Japan antaranya yang telah mendapat tempat yang tinggi dalam senarai tersebut tetapi Malaysia malangnya tidak pun tersenarai dalam jadual keputusan tersebut.

Apa yang saya fikir penting daripada laporan ini ialah, betapa negara-negara luar menganggap dan mengambil keprihatinan yang begitu serius mengenai penguasaan matematik dan sains kerana bukanlah ini merupakan satu masalah yang kita anggap masalah budak-budak Melayu yang selalu kita bincangkan tetapi sebenarnya masalah ini adalah masalah universal, semua negara bimbang. Britain contohnya dan Amerika (USA) mendapat nombor 20 ke bawah, mereka juga turut bimbang akan pencapaian murid-murid mereka dalam mata pelajaran matematik dan sains. USA memberi tumpuan yang serius, juga Sweden yang mendapati murid sekolahnya lemah dalam matematik dan memulakan program dalaman untuk mempertingkatkan latihan bagi guru mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pastinyalah juga kita terutamanya bumiputera di kampung-kampung yang masih lagi lemah dalam pelajaran matematik dan sains dan kita menghala kepada satu tahap pencapaian sains dan teknologi, pencapaian industri multimedia tetapi kita masih lagi tidak mempunyai kecapaian yang memuaskan.

Adalah dicadangkan pendekatan metodologi pengajaran matematik dan sains di kementerian perlulah dikaji semula, mungkin sedang atau telah dikaji semula dan mungkin pihak kementerian dapat memberikan status terkini tentang kajian pendekatan dan metodologi yang baru. Kerana saya sangat berkeprihatin tentang metodologi pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah contoh peribadi, anak saya pergi belajar di Kanada dan dia menyatakan bahawa lebih mudah memahami mata pelajaran sains di sana daripada di sini kerana cara pengajaran yang dibuat oleh gurunya di sana itu lebih mudah untuk dia faham. Jadi, persoalannya di sini adakah metodologi pendekatan yang digunakan oleh guru-guru kita itu mencukupi ataupun cukup sempurna untuk dapat memberi pengajaran kepada anak-anak kita?

Kita perlu sedar bahawa sains dan matematik ini perlu diberi tumpuan, kalau dahulunya saya ingat kita menggunakan sampua dan sekarang ini saya tak tahu apa sudah jadi. Mungkin kita masih lagi dalam peringkat eksperimen. Walau bagaimanapun, inginlah saya memetik apa yang dikatakan oleh satu artikel yang dibaca di dalam *The Economist* ini yang mengatakan, dengan izin, '*Education is the wealth of nations*'. '*The new job's in tomorrow's industries in manufacturing and services alike were call for more than button pressing automations, they will require workers that are literates, numerates, adaptable and trainable in the word educated and teaching methods are the key*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini telah diperkatakan daripada kajian dan penyelidikan yang telah dibuat, bukannya kalau tidak silap saya membaca artikel ini dengan mengubah kurikulum dan memansuhkan peperiksaan seperti kenyataan baru-baru ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini meminta penjelasan terhadap pihak kementerian, rasional perubahan peperiksaan, kurikulum dan sebagainya dan juga ingin tahu adakah kajian dan penyelidikan yang terperinci telah dilaksanakan terutamanya implikasi kepada anak-anak bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat bahawa idea yang melimpah ruah tanpa kemampuan dan komitmen pelaksanaan adalah seperti buih-buih di lautan yang timbul dan hilang dalam buaian dan hempasan ombak. Kita tidak mahu program-program kita menjadi hanya buih-buih di lautan tetapi tidak membawa apa-apa hasil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membicarakan isu pendidikan, kita perlu juga memberi perhatian serius kepada guru atau pendidik. Banyak rungutan dan laporan akhbar kita dapati, daripada pertemuan saya secara peribadi dengan guru-guru, ramai yang menyuarakan rasa tidak puas hati, rasa kurang bermotivasi dan pelbagai lagi. Bukan sahaja ramai yang ingin bersara, tetapi profesion guru sebagai pilihan juga tidak mendapat sambutan.

Perkara ini bukanlah juga perkara yang hanya berlaku di Malaysia seperti yang kita tahu, kita juga tahu di Amerika Syarikat juga menghadapi masalah demikian dan begitu juga di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, saya berpendapat tidak ada satu masalah yang tidak boleh kita atasi.

Mungkin perlu kita melihat kembali, saya tahu pihak kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan tindakan untuk memberikan guru-guru keselesaan seperti menyediakan rumah-rumah guru, memang kita ada nampak naik rumah-rumah guru yang baru di kawasan luar bandar terutamanya. Tetapi, mungkin itu tidak mencukupi. Kita perlu melihat kepada guru dan profesion guru itu sebagai satu perkara yang sangat penting, satu profesion yang perlu diberikan status yang paling tinggi. Kita

sedia maklum bahawa guru adalah pembentuk generasi masa depan dan jikalau kita tidak mempunyai pembentuk yang benar-benar berkeelayakan, yang benar-benar komited maka pastinyalah generasi masa depan juga akan menjadi luntur.

Mungkin kita perlu mengambil contoh daripada apa yang dilaksanakan di Germany di mana hanya mereka yang mempunyai kelulusan tertinggi yang dipilih sebagai calon untuk mengikuti latihan perguruan dan mungkin insentif-insentif lain seperti insentif saraan hidup dan sebagainya perlu juga diambil kira.

Perkara ini sebenarnya bukanlah perkara yang baru. Sudah banyak diperkatakan di Dewan yang mulia ini tetapi jikalau hingga ke hari ini kita masih menghadapi masalah ini, saya merasakan bahawa kita masih lagi tidak dapat mengatasinya dan perlu usaha-usaha ditambah untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan manusia adalah satu aspek yang tidak mudah, mungkin lebih mudah untuk membangunkan ekonomi negara. Justeru itu, kita dapati tidak ramai juga negara-negara yang dapat membentangkan satu program khusus yang dapat dilihat dalam jangka masa yang tertentu, kerana kita tahu bahawa pembangunan manusia itu bermula bukan sahaja daripada lahirnya, tetapi sebelum lahirnya seseorang bayi itu.

Kita tahu bahawa salah satu daripada masalah tentang penjagaan anak ialah masalah yang dihadapi oleh famili. Saya tidak kata hanya wanita yang bekerja, tetapi juga ibu bapa yang bekerja dan masalah ini malangnya masih lagi tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya. Kita tahu ramai wanita yang terpaksa bekerja, bukan kerana ekonomi sahaja, tetapi kerana negara memerlukan khidmat wanita bekerja. Kita tahu ramai yang merintih tidak hanya ibu sahaja, tetapi juga bapa yang merungut tentang perlunya tempat penjagaan anak-anak. Ini bukan hanya untuk anak-anak kecil, tetapi

juga anak-anak remaja, yang pergi sekolah dan balik dari sekolah atau mungkin juga boleh dikatakan dengan izin, 'the lost kid' yang banyak wujud sekarang kerana ibu bapa yang bekerja. Jikalau kita hendakkan generasi yang lebih baik, generasi boleh lebih menyumbang, generasi yang tidak dilanda dengan berbagai-bagai masalah sosial, salah satunya ialah prasarana untuk keluarga. Perlulah kerajaan dan kementerian yang berkaitan memandang serius dan mengambil tindakan yang efektif untuk mewujudkan family centres, jika tidak di semua kawasan-kawasan perumahan, diwujudkan di pejabat-pejabat yang berkenaan.

Saya difahamkan bagi industri-industri di negara ini hanya 20 sahaja yang telah mewujudkan nursery. Itupun nursery - perlulah difahamkan bahawa bukannya nursery sahaja yang relevan, tetapi juga tempat anak-anak yang sudah besar, yang mungkin sekolah primary school, upper secondary dan sebagainya yang perlu pulang ke rumah apabila ibu bapanya bekerja, mungkinlah kalau ada sekolah satu sesi dapat mengatasi masalahnya. Tetapi saya rasa itu adalah satu perkara yang masih jauh lagi, kerana masih lagi di peringkat pilot project dan kita tidak tahu sama ada semua sekolah dapat melaksanakan satu sesi tersebut. Ini juga bukan perkara yang baru, tetapi perlulah pihak kementerian memikirkan secara serius, mungkin juga just thinking aloud, dengan izin, sebuah Kementerian Pembangunan Famili dan Kemasyarakatan yang khusus perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial boleh dibendung jika anak-anak mendapat penjagaan yang sempurna. Mengikut Abraham Maslow dengan izin, *'an individual self-actualisation, (i.e. realisation of one's potentials) occurs when four basic needs (psychological, safety, love and and esteem) are met.'* Saya berharap tiga perkara penting

untuk mencapai matlamat Maslow mengikut penelitian saya dari kajian akademik dan pakar-pakar mengenai kekeluargaan dan secara pengalaman peribadi ialah:

- (i) kemahiran penjagaan anak adalah sangat significant; dan
- (ii) prasarana bayi, anak sekolah rendah/menengah dan remaja adalah wajib dan kemahiran kaunseling remaja sesama remaja adalah relevan.

Kita tahu kerajaan telah memulakan Program Kemahiran Keibubapaan Jayawaris yang saya rasa telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi kita kurang pasti apa yang telah berlaku kepada program tersebut. Mungkin perlu pihak kerajaan melihat balik kepada priority tentang 'Jayawaris' ataupun 'Rumahku Syurgaku' dan memberi priority kepada ibu bapa bermasalah seperti bercerai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya sebut ini adalah perkara yang selalu didengar, tetapi kita tidak mengambil satu tindakan yang saintifik untuk memastikan sebenarnya target group yang kita mahukan itu sebenarnya dapat menghasilkan sesuatu yang kita maksudkan. Kita banyak mengadakan berbagai-bagai program tetapi hanya tinggal program ataupun hanya tinggal perasmian-perasmian sahaja.

Yang keduanya, apa yang saya katakan sebagai tiga perkara penting tadi ialah prasarana pusat anak-anak yang telah saya sebutkan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak-pihak yang berkenaan terutamanya kementerian, kepada pihak majikan dan juga kepada penggubal undang-undang untuk kita dapat menggubal undang-undang untuk mewajibkan family centres ini. Ini adalah satu contoh yang telah diwujudkan family centres yang saya anggap berjaya ialah apa yang telah dibuat di Terengganu oleh Yayasan Pembangunan Keluarga, ianya boleh dijadikan contoh dan role

model, kalau ada di antara kita yang masih tidak yakin bahawa perlunya pusat perumahan untuk keluarga ini.

Saya juga mencadangkan pusat rekreasi yang lebih sihat untuk anak-anak remaja perlu diadakan. Mungkin tempat-tempat kereta di bandar-bandar boleh dijadikan gelanggang takraw, badminton, bola jaring dan lain-lainnya di waktu malam supaya remaja dapat beriadah secara sihat. Misalnya di kampung-kampung kita buka kawasan lapang dan memasang lampu untuk remaja atau belia beriadah sama ada bermain badminton dan sebagainya, kerana kita tahu 'lepak' yang membawa kepada dadah, 'lepak' yang membawa kepada kegiatan 'bohsia' dan sebagainya ialah kerana anak-anak muda ini tidak mempunyai tempat riadah yang mencukupi, sama ada rumahnya terlalu kecil ataupun rumahnya terlalu membosankan dan mereka lebih suka kalau di kampung duduk di tepi-tepi jalan hingga ke larut malam ataupun di bandar-bandar duduk di tempat-tempat shopping complexes dan sebagainya. Mungkin kalau ada tempat mereka mengadakan riadah ini akan mengurangkan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya berpendapat bahawa kemahiran kaunseling remaja untuk remaja perlu dipertingkatkan kerana pengaruh rakan sebaya yang begitu banyak menyebabkan masalah sosial. Bentuk ramai kaunselor remaja untuk pengaruh yang baik dan penghayatan kerja-kerja kesukarelaan dan pengabdian nilai murni.

Seperkara lagi mengenai masalah sosial yang dikatakan melanda sejumlah besar remaja Melayu, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian yang berkaitan. Apakah jenis kajian yang telah dilaksanakan, bagaimanakah penyelidikan yang telah dibuat dan apakah wujud satu badan khas yang telah menjalankan kajian ini dan merupakan asas maklumat mengenai masalah remaja ini, serta apakah pelan tindakan yang telah dirancang atau akan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab terhadap tenaga kerja juga perlu diberikan perhatian. Kita perlu mengkaji keadaan dan peraturan pekerja immigrant atau asing yang banyak masuk ke dalam negara kita, yang kita tahu sedikit-sebanyak menjejaskan cara hidup kita, juga menjejaskan keadaan hidup sosial kita. Satu buku bertajuk, dengan izin, 'The Case Against Immigration' yang ditulis bagi Immigration USA oleh Roy Beck, telah memberi kita satu perspective human, dengan izin, terhadap pekerja asing yang kita agak kurang senang tetapi terpaksa terima kerana desakan kurang pekerja.

Pengamal pekerja immigrant USA ini dari pembacaan buku tersebut saya berpendapat perlu diteladani kerana realiti pengalamannya. Buku itu telah menggariskan apakah ia implikasi pekerja immigrant atau pekerja asing ini. Empat perkara penting yang telah digariskan:

- (i) pendapatan sebenar pada pekerja negara berbanding dengan pendapatan sebenar pekerja immigrant yang selalunya menyebabkan pendapatan turun dan kualiti hidup merosot kepada penduduk setempat berkaitan;
- (ii) bertambahnya jurang perbezaan antara miskin dan kaya;
- (iii) menafikan orang tempatan terutama bumiputera dari pemerolehan kemahiran menuju kepada kemiskinan yang bertambah; dan
- (iv) ianya dalam bahasa Inggeris 'fueling a wave of crime and social disintegration in the cities and industrial areas' akan wujudnya kemiskinan, crimes.

Kalau kita baca dalam surat khabar the serial rapist itu - 'rapist' ialah seorang pendatang asing iaitu orang Indonesia yang telah banyak menimbulkan berbagai rasa takut di

kalangan wanita-wanita dan juga mungkin ethnic strife akan increase dan social services and goodwills are strained to the breaking point.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara ini telah pun berlaku dan sedang berlaku.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Menyampuk]*

Puan Kamilia binti Ibrahim: Yang Berhormat, saya bukan seorang peguam jenayah, jadi tidak ada ambillah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini telah dapat dibuktikan berlaku dalam satu kajian yang dibuat di Nilai, Negeri Sembilan. Implikasi sosial yang begitu ketara kerana Nilai adalah salah satu bahagian di mana kita dapati KLIA dan industri multimedia akan dilaksanakan. Di situ ramai pekerja asing yang datang dan penduduk-penduduk di situ merasa terancam.

Kalau saya boleh cerita sedikit, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku pada rakan saya yang tinggal di situ, ceritanya agak lucu tetapi tidak sepatutnya lucu, dia telah menceritakan betapa bertambahnya crime rate, kecurian dan rompakan kerana bertambahnya penduduk di situ dan tidak cukupnya kawalan keselamatan, tidak cukupnya polis untuk menjaga keselamatan. Jadi, dia telah bercerita bagaimana rumahnya telah dirompak dan pencuri memasuki rumahnya serta bagaimana dia telah memanggil polis pada pukul 3.00 pagi, tetapi polis hanya datang pada pukul 6.00 pagi. Juga bagaimana polis telah tidak berjaya mengutip segala evidence and witness kerana lambat datang dan dia mengatakan kerana tidak ada kereta untuk sampai ke situ. Itu satu cerita yang dikatakannya begitu lucu, kerana polis yang datang itu, apabila dia mengutip evidence, dengan izin, dia menggunakan tangannya tanpa menggunakan sarung tangan.

Dan cerita juga diberitahu kepada saya bahawa dua, tiga bulan selepas itu kecurian juga berlaku di rumah abangnya, juga polis tidak dapat datang sebab tidak ada kereta, tidak ada Range Rover dan dia hanya datang selepas semua pencuri telah lari. Pulang, saya sebutkan kerana ada polis datang dia kata pencuri sudah balik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak nyatakan di sini bahawa implikasi sosialnya adalah sangat tinggi dan kita dapati kita juga kurang persediaan untuk menghadapi masalah-masalah sosial ini sama ada dari segi kesihatan di mana ramai - saya tidak bawa hari ini tetapi kalau kita baca statistik di Sabah, berapa ramainya pengguna-pengguna hospital itu adalah datangnya dari pendatang asing. Kita tahu juga, dengan adanya ramai mereka juga ia akan membawa implikasi sosial yang begitu serius kepada penduduk-penduduk tempatan.

Justeru itu adalah dicadangkan satu pelan induk pekerja migran disediakan. Kita tidak tahu sama ada ia.....ya, sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat berjalan meniti di tepi jurang. Dengan hujah-hujah Yang Berhormat itu adakah beliau sanggup nanti orang mengatakan seorang lagi Pauline Hansen di Parlimen Malaysia. Apa bezanya hujah-hujah ini dengan pendirian Pauline Hansen di Australia?

Puan Kamalia binti Ibrahim: Pauline Hansen sebenarnya ialah dia lebih kepada perkauman tetapi saya hanya menyatakan tentang implikasi pekerja-pekerja asing yang datang ke negara ini dan bukannya perlu dilihat kepada kita hendak memberikan mereka itu satu status yang rendah tetapi apa yang cuba saya katakan di sini ialah bagaimanakah kita perlu mewujudkan satu perancangan untuk kita sama-sama dapat menjaga kebajikan pekerja-pekerja asing ini supaya kedatangan mereka itu yang kita perlukan bukan menimbulkan masalah kepada kita terutamanya masalah sosial, tetapi benar-benar dapat

membantu kita dalam erti kata sebenarnya supaya kita dapat menjaga mereka dengan lebih baik.

Kalau mereka itu datang tidak beristeri dan kita memang banyak dengar laporan dia hendak kahwin dengan wanita tempatan, mungkin kita perlu adakan kemudahan-kemudahan untuk berkahwin. Kalau mereka tidak ada rumah, kalau di Nilai itu apa yang telah saya diberitahukan, dalam rumah teres dua tiga bilik itu ada tiga puluh orang pekerja yang tinggal di dalamnya. Jadi, bayangkanlah apa yang akan wujud dan apa boleh berlaku kerana keadaan yang begitu? Jadi, saya tadi sedang mengatakan bahawa perlu kita mengadakan satu perancangan dan perlu kita menubuhkan satu badan kebajikan, seperti contohnya PERKIM yang mengambil tahu dan menjaga hal ehwal mereka yang masuk Islam supaya dalam erti kata yang sebenarnya mereka itu datang dapat diberi, dengan izin, what we call the human treatment. Kita tidak boleh melihat kepada mereka itu hanya daripada nilai ekonomi mereka sahaja tetapi kita perlu melihat kepada mereka itu sebagai manusia dan diberikan layanan kemanusiaan. Okay Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Puan Kamalia binti Ibrahim: Panjang juga, sedikit lagi. Bolehkah sambung lagi Tuan Yang di-Pertua? Boleh sambung? Hendak habis dah.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagilah.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Ada lima minit ya.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat tu nampaknya.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Okay, saya cuba....

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluanglah orang lain bercakap. Yang Berhormat lain pun hendak bercakap juga.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Okay. Tetapi kita ada beberapa hari Tuan Yang di-Pertua?

Seorang Ahli: Enam hari.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Enam hari. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan boleh beri saya sepuluh minit?

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit cukuplah.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Lima minit ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskanlah.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang itu ya.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Sebabnya saya memandangkan perkara ini adalah perkara yang perlu diberi perhatian yang lebih sedikit, Tuan Yang di-Pertua dan ini adalah satu forum yang membolehkan kita menyuarakan pandangan. Jadi, pada hemat saya tugas pekerja asing ini perlulah diberi perhatian dan perlulah kita mengadakan satu perancangan atau program yang lebih teratur dan tidak hanya dilihat kepada masalah-masalah kemasukan mereka, masalah-masalah pasport dan sebagainya tetapi perlu kita lihat daripada segi kebajikan mereka sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang sistem kesihatan negara. Mungkin yang ini rakan-rakan lain juga akan sentuh tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan rasa bangga kita kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah begitu gigih memecah sempadan-sempadan ekonomi, menerokai bidang-bidang perindustrian dan perniagaan untuk negara-negara dan mendapat pengiktirafan India, Saudi Arabia dan sebagainya yang beliau tentu sekali menjadi inspirasi dan peransang utama rakyat di negara ini. Soalannya ialah, Tuan Yang

di-Pertua, kalau beliau semasa kita tidur dia masih lagi berceramah dan memberi pendapat di negara lain, soalnya adakah sistem kesihatan di negara ini dapat menyediakan lebih ramai penduduknya yang secerdas beliau. Kita perlu melihat kepada penjagaan kesihatan yang dibandingkan dengan kos menyembuh penyakit sama kena perlunya kita lebih mengadakan kempen-kempen dan penyebaran maklumat-maklumat untuk mencegah penyakit.

Saya juga ingin menyentuh tentang kekurangan fasiliti-fasiliti di hospital-hospital terutamanya kepada anak-anak cacat, anak-anak istimewa dan perlunya kita memberi peluang kepada, dengan izin, gifted children untuk lebih maju ke hadapan.

Satu perkara yang saya perlu juga perkatakan di sini ialah mengenai rasuah. Amalan rasuah yang dilaporkan telah terus dilaporkan yang menunjukkan masih lagi menjadi satu amalan. Perlulah mendapat komitmen daripada kita semua bukan sahaja daripada kerajaan tetapi kita sebagai individu untuk mengambil tindakan yang jujur dan berani untuk kita sama-sama menangkis perbuatan-perbuatan rasuah - segala bentuk rasuah. Jadi, di sini, Tuan Yang di-Pertua, pesan Ibn Khaldun, banyak lagi pesanan-pesanan dari pemikir-pemikir mengatakan bahawa kehancuran, kejatuhan sesuatu sistem masyarakat itu ialah kerana rasuah. Saya ingin menyarankan di sini bahawa perlunya perundangan dan penguatkuasaan undang-undang rasuah dijadikan senjata penting memerangi rasuah dan perkara ini juga banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan tentang pindaan Akta Rasuah. Di sini inginlah saya meminta penjelasan tentang status perundangan Akta Rasuah yang dikatakan telah dipinda untuk membolehkan tindakan mengawal rasuah lebih berkesan dan efektif kerana saya ingin menekankan di sini bahawa perundangan rasuah, penguatkuasaan menentang rasuah adalah priority utama Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai isu Palestin. Kita tahu bahawa di fora antarabangsa Malaysia memang diberi pengiktirafan dan kita juga tahu isu Palestin dan masalah Palestin ini adalah satu isu yang sudah berumur hampir empat dekad. Azab dan kesengsaraan rakyat Palestin terutama kanak-kanak dan wanita yang tidak berdosa telah terlalu lama bagi sejarah kemanusiaan itu sendiri. Kita mahukan Malaysia dan PBB bertindak tegas untuk mendapatkan Oslo Accord itu dilaksanakan agar keamanan dapat diwujudkan di Palestin.

Dan akhir kata Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita melihat kepada penghayatan Islam di negara ini untuk mengambil kira apa yang telah disarankan oleh Dr. Yusof al-Qardawi bagi pengamalan Fikah al-Awlawiyat dan menerima pakai idea-idea ilmu Ibn Khaldun dalam perkara kemasyarakatan dan pendidikan mengikut dalam kitab *Muqadimah*nya dan juga perlulah kita melihat kepada apa yang perlu menajam senjata sains dan teknologi untuk mencapai kemajuan sepertimana yang telah banyak disarankan oleh pemikir-pemikir silam Islam. Kita perlulah melihat bahawa dalam masa yang akan datang, apakah yang akan dapat kita lihat. Persaingan hebat dalam ekonomi dan pemulihan maklumat yang mendapat sokongan kukuh sumber manusia yang sama maju dengan kemajuan ekonomi dan tentunya akan dapat merealisasikan acuan Malaysia sepertimana diimpikan oleh Perdana Menteri kita.

Apa yang menanti di masa hadapan dapat direnung dengan apa yang dikatakan oleh Victor Hugo, seorang penulis Perancis, dengan izin, the future has many names. For the weak it is unattainable, for the fearful it is unknown, for the bold it is the opportunity.

Dan dengan ingatan apa yang diingatkan oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim “Ikhtiar menjalani, untung menyudahi - manusia mengikhtiarkan Tuhan mentakdirkan”

dan dalam semangat tetap penuh keyakinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Sri Sarasa.

4.42 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Paduka Baginda semasa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pemodenisasi negara adalah amat membanggakan dan seperti yang telah dinyatakan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mengejar arus pemodenan ini, kepentingan kesihatan tidak boleh diketepikan kerana tenaga manusia yang sihat adalah aset utama yang paling berharga dalam menjayakan segala impian dan cita-cita negara.

Oleh yang demikian, adalah penting keadaan taraf kesihatan penduduk negara kita diberi perhatian yang serius. Saya ingin mengucap tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang telah mengambil tindakan untuk menjaga taraf kesihatan tetapi nampaknya keadaan adalah seperti 'naik tangga turun tangga'. Di negara kita, kita tidak mengalami masalah kekurangan makanan tetapi kurang pemakanan yang sihat dan berzat. Rakyat mestilah dididik dan dibantu mengamalkan cara pemakanan yang sihat supaya

dapat mengelakkan kebanyakan penyakit yang berkaitan dengan pemakanan seperti diabetes, sakit jantung dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, rakyat juga lebih sensitif dalam menjaga kesihatan mereka. Adalah satu amalan yang sudah biasa di kalangan masyarakat kita ambil lewa apa-apa masalah kesihatan dan sering kali membelakangkan masalah kesihatan dan akan hanya memberi perhatian dan rawatan di peringkat akhir bilamana penyakit itu sudah bertambah buruk dan susah untuk dirawat. Saya cadangkan supaya Kementerian Kesihatan bermula dengan mewajibkan, dengan izin, medical check-up tahunan untuk semua pegawai kerajaan dahulu dan selepas itu kepada rakyat umum.

Ini adalah disebabkan kurang pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat kita mengenai kepentingan kesihatan.

Keadaan ini adalah sangat ternampak dan lebih ketara di kawasan-kawasan luar bandar iaitu di estet-estet dan di ladang-ladang di mana perkhidmatan kesihatan pun serba kekurangan.

Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan kedatangan pekerja-pekerja asing yang membawa pelbagai penyakit. Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan mengadakan langkah-langkah kawalan yang sepatutnya untuk menangani masalah ini memandangkan kadar pekerja asing yang keluar dan masuk ke negara ini agak tinggi.

Perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital awam walaupun telah diperkembangkan lagi tetapi masih tidak menampung jumlah pesakit. Adalah satu langkah yang baik untuk mencadangkan supaya pusat-pusat perkhidmatan kesihatan swasta mengurangkan kadar perkhidmatan atau mengadakan perkhidmatan kelas ekonomi untuk memberi golongan masyarakat yang berpendapatan rendah peluang mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

Adalah dicadangkan di sini selain daripada mengurangkan kadar atau fees rawatan kesihatan, mengadakan skim pembayaran yang lebih mudah atau yang lebih flexible untuk membolehkan mereka mendapat rawatan di hospital swasta.

Dengan ini, saya juga ingin mencadangkan adalah wajar untuk kementerian mencadangkan satu skim insurans kesihatan yang wajib diambil oleh semua orang untuk tujuan-tujuan rawatan kesihatan memandangkan ini adalah satu keperluan yang kritikal kepada setiap individu.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan masyarakat di negara ini juga penting dalam mengekalkan keamanan negara terutama dalam arus pembangunan mencapai matlamat Wawasan 2020. Tanpa satu keadaan yang aman, kejayaan itu tidak dapat dinikmati oleh masyarakat kita. Keselamatan warga wanita kita tergugat baru-baru ini dengan berlakunya beberapa kejadian seperti perogolan bersiri yang diikuti dengan pembunuhan, seperti kes di Shah Alam, Selangor, kejadian kes-kes jenayah rogol dan jenayah yang berkaitan dengan seks, dengan izin, sex related crimes semakin meningkat sekarang. Kejadian ini mungkin disebabkan oleh terdapatnya bahan-bahan pornografi, majalah-majalah lucah dan lain-lain dengan lebih mudah melalui Internet dan sumber-sumber lain di negara ini. Terdapat beberapa kes di mana bahan-bahan seperti ini juga telah dirampas daripada kalangan pelajar di beberapa sekolah. Pasukan keselamatan kita mestilah melihat kejadian ini dengan lebih serius supaya ia dapat dikawal sebelum berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial di negara ini semakin meningkat. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah berusaha menjalankan berbagai-bagai program untuk menangani masalah ini, terutamanya di kalangan warga muda kita. Rancangan pembangunan keluarga dan keibubapaan juga sama penting untuk menangani masalah sosial ini seperti pelacuran, pembuangan bayi,

melepak, ponteng sekolah, perkosaan, dadah dan lain-lain. Ibu bapa mesti dididik juga dan diberi pengetahuan mengenai masalah-masalah sosial dan bagaimanakah cara-cara untuk mengatasinya. Masyarakat kita sekarang sedang bergerak ke arah masyarakat nuklear di mana semuanya bergerak serba pantas dan cepat.

Suatu pengubahsuaian perlu dilakukan untuk menghadapi pertukaran ini dan kita mestilah membantu kaum ibu bapa ini menghadapinya. Sekolah-sekolah boleh memainkan peranan yang penting dengan dorongan daripada ibu bapa, di mana-mana mestilah mengadakan perhubungan yang lebih baik dan kerap dengan guru-guru supaya dapat mengawal kegiatan dan perkembangan anak-anak mereka dari masa ke semasa supaya tidak terlanjur.

Dalam bidang pendidikan, pendidikan yang memberi lebih ajaran, moral, budaya dan agama mestilah diperkembangkan. Pendidikan ini akan memperkukuhkan institusi keluarga dan akan melahirkan keluarga yang sihat dan mengurangkan masalah sosial. Media elektronik boleh memainkan peranan yang lebih efektif lagi.

Dalam menuju ke arah melaksanakan standard ISO 9000, rakyat akan dapat menikmati kualiti yang lebih baik. Dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mestilah prihatin bahawa rakyat mendapatnya pada kadar bayaran atau kos yang sepatutnya. Kos-kos perkhidmatan mestilah dikawal. Kita tidaklah patut membandingkan kadar bayaran mengikut kadar di negara lain, tetapi kadar itu mestilah moderate dan ditentukan mengikut keadaan di negara ini. Kadar-kadar pendidikan di sekolah-sekolah swasta juga mestilah dikawal kerana pendidikan mestilah dijadikan accessible atau diperolehi oleh segala lapisan masyarakat.

Dalam usaha menjayakan intelligent city atau IT iaitu projek Koridor Raya Multimedia, kita memerlukan banyak cendekiawan yang berpelajaran tinggi. Institusi-

institusi pelajaran tinggi kerajaan sahaja tidak mencukupi, institusi swasta juga mestilah membuka tirai mereka untuk memberi peluang mereka yang berpendapatan rendah melanjutkan pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur adalah amat pesat dijalankan di negara ini. Pembangunan ini mestilah dirancang dengan sangat teliti kerana terdapat banyak kejadian banjir di kawasan-kawasan perumahan dan jalan raya baru-baru ini akibat daripada kerja pembinaan projek-projek lain yang amat menyusahkan masyarakat di kawasan-kawasan terlibat ini, seperti kejadian banjir lumpur di kawasan Bandar Alam Shah, di Kuala Lumpur, di Pantai Dalam dan di Sungai Buloh dan lain-lain tempat. Pelan-pelan pembangunan dan pihak-pihak yang menjalankan projek-projek baru mestilah prihatin dan lebih bertanggungjawab akan masalah dan kesusahan yang mungkin terjadi akibat daripada kerja-kerja pembinaan mereka. Kementerian mestilah memastikan bahawa mangsa-mangsa yang menghadapi akibat banjir ini mendapat perhatian yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan sosial dan keharmonian adalah keutamaan kerajaan. Dalam konteks ini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program untuk memelihara perpaduan. Saya rasa adalah perlu mengadakan majlis-majlis di antara kaum supaya mereka dapat menyaksi dan memahami adat resam satu sama lain. Tradisi-tradisi yang sama perlulah ditegaskan atau dengan izin, di'highlight'kan. Penghormatan mesti dipraktikkan. Rakyat yang duduk di kawasan luar bandar kurang peluang untuk bergaul dengan pelbagai kaum. Keadaan ini bolehlah diatasi kalau Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menganjurkan lebih majlis dan ekspo supaya memberi pendedahan yang positif dalam hal ini.

Keyakinan dan kemampuan pemimpin negara ini adalah besar dan saya fikir dengan kerjasama semua pihak, kita akan menikmati satu keadaan yang cukup baik di negara ini.

Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan menyokong usul di atas. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu usul atas nama Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.”

terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Puan Mastika.

4.55 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuan Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman di Persidangan Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan pada 24hb. Mac yang lalu. Saya juga turut merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda di atas Titah Ucapan yang memberangsangkan dan mencakupi segenap aspek pemerintahan dan pembangunan

negara kita yang tercinta. Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sebanyak 41 paragraph merangkumi semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahniah kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara serta seluruh kakitangan Parlimen yang telah menjayakan Majlis Pembukaan Parlimen yang penuh adat istiadat Melayu yang menjadi lambang pemerintahan negara, pemerintahan Raja Berperlembagaan. Sesungguhnya setiap detik upacara pembukaan Parlimen berjalan menyemarakkan dan menyuburkan semangat juang yang tinggi kepada setiap anggota Parlimen yang hadir. Kita bangga menjadi satu bangsa yang mempunyai adat sopan yang tinggi serta beradaban mulia. Negara kita negara berdaulat, maka segala warisan bangsa harus terpelihara agar acuan dalam pembentukan masyarakat Malaysia yang maju dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya negara kita telah menikmati pencapaian ekonomi yang menggalakkan, hampir satu dekad. Pencapaian ini adalah hasil kebijaksanaan pemimpin dan kerja kuat di kalangan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional diberi mandat oleh rakyat ternyata telah memenuhi harapan rakyat. Keadaan negara yang aman, perpaduan di kalangan rakyat yang terjalin dengan baik, sumber tenaga manusia yang terlatih dan hasil-mahsul negara yang kaya telah menyumbang kepada kejayaan negara yang cemerlang.

Segala faktor yang saya sebutkan tadi bukanlah faktor semula jadi tetapi ia direncanakan begitu rapi dan teliti oleh kerajaan serta disambut baik dan dijayakan oleh rakyat. Semua ini dicapai dengan kerja kuat dan usaha gigih segenap lapisan merangkumi pemerintah, kerajaan dan rakyat. Maka untuk kita terus maju ke hadapan, keamanan dan kestabilan politik perlu dikekalkan, perpaduan kaum perlu dieratkan, sumber tenaga manusia yang terlatih perlu dipertingkatkan dan pengurusan hasil-mahsul negara perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan. Iklim yang sihat dan conducive ini akan memberi ruang dan peluang yang luas untuk kita mencapai strategi jangka pendek

dan strategi jangka panjang Wawasan 2020. Dengan infrastruktur yang lengkap dan canggih, dengan galakan cukai dan insentif yang menarik, kita akan dapat memajukan perusahaan tempatan dan memancing pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia.

Saya yakin dan percaya hasrat untuk melahirkan negara melangkah ke era negara maju akan mula berhasil semasa kita melangkah ke abad 21 nanti. Kita tidak perlu bimbang kepada arus pembangunan dan kemajuan. Yang harus kita perkukuhkan ialah kesedaran dan persediaan kita untuk menentukan rakyat Malaysia yang maju dan berjaya dalam acuannya tersendiri. Melalui pendekatan seimbang, peka kepada isu alam sekitar, perkembangan budaya warisan bangsa yang sihat, sistem nilai dan moral dapat dipertahankan. Kita berdoa abad yang akan datang membawa sinar harapan untuk melahirkan bangsa Malaysia yang dikagumi dan menjadi contoh kepada peradaban dunia.

Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa dapat menafikan kejayaan cemerlang Barisan Nasional yang menerajui pemerintahan negara. Malah ketokohan dan kecemerlangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi mendapat pengiktirafan oleh beberapa buah negara dunia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dianugerahkan anugerah Al-Malik Faisal oleh Kerajaan Arab Saudi, anugerah Jawaharlal Nehru oleh Kerajaan India, anugerah Al-Mubarak Al-Kabir oleh Kerajaan Kuwait, anugerah Al-Fatah oleh Kerajaan Bahrain, anugerah Emas, Order of Good Hope oleh negara Afrika Selatan dan beberapa anugerah di dalam negeri juga telah pun disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebagai rakyat Malaysia kita berasa amat bangga dengan pengiktirafan dan penganugerahan kepada Perdana Menteri kita. Syabas dan tahniah kita rakamkan kepada pemimpin yang sangat kita kasihi ini. Ternyata sudah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi role model bertaraf dunia. Jika role model ini menjadi ikutan rakyat Malaysia, sudah pasti kita akan berjaya mengangkat martabat bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai bukti kejayaan terserlah di hadapan kita. Namun kita kesal kerana ada pihak yang masih memekakkan telinga, membutakan mata dan menafikan pencapaian cemerlang negara. Mereka menjadi tukang hasut kepada rakyat, memesong fikiran rakyat, membuat fitnah. Malah ada yang sanggup memaki hamun sesama bangsa dan agama, kononnya di atas dasar untuk menegakkan syiar Islam. Mereka menggunakan apa sahaja modal untuk menonjolkan perjuangan mereka yang telah kehilangan arah tuju dan tidak ada asas yang kukuh. Mereka memperalatkan pelajar-pelajar untuk mendapatkan simpati dan sokongan rakyat. Mereka cuba menggugat ketenteraman negara dengan menganjurkan demonstrasi, rapat umum dan sebagainya.

Jika hendak bercakap soal agama, Barisan Nasional telah berjaya memperjuangkannya dan diakui oleh dunia Islam yang lain. Selain daripada usaha yang telah diatur susun, pendekatan menerapkan nilai-nilai Islam yang lebih berkesan dengan wujudnya Jabatan Kemajuan Islam dan menjadi dasar yang telah disebutkan di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada masa yang akan datang negara mengharap untuk mencapai seratus peratus celik Al-Quran. Apa yang membimbangkan, dalam keadaan kita bergelut untuk menghadapi milinium yang akan datang, golongan kembiri ini hadir sebagai satu penghalang kemajuan umat Islam. Jika mereka dibiarkan, mereka akan menjadi barah dalam daging dalam orang-orang Islam. Tindak-tanduk mereka akan meminggirkan orang-orang Islam daripada pembangunan. Mereka hadir dengan laungan lapuk, asyik-mahsyuk, mencaci-cerca tanpa memikirkan akibatnya kepada bangsa pertuanan Melayu. Mereka memperalatkan agama untuk kepentingan diri. Perjuangan mereka perjuangan jangka pendek yang merugikan. Malah

kehadiran mereka memecahbelahkan umat Islam. Maka wajarlah kerajaan bertindak lebih tegas menangani tindak-tanduk liar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal mentadbirkan hal ehwal agama, saya akui masih ada lagi beberapa kelemahan. Di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali telah kita dengar Ahli-ahli Dewan telah menyuarakan bahawa kita perlu mengkaji semula Perlembagaan Negara kita di mana meletakkan soal hal ehwal agama di bawah kerajaan-kerajaan negeri. Kegagalan sosial orang-orang Islam pada masa ini di mana kita melihat bahawa penglibatan jenerasi muda umat Islam dalam kegiatan-kegiatan kurang sihat amatlah tinggi di negara kita. Ini amat mengecewakan kita. Kita tidak boleh lari daripada memberi tanggungjawab ini kepada pemuka-pemuka ataupun mereka yang bertanggungjawab dalam soal agama. Jika kerajaan kita telah berjaya di dalam melaksanakan usaha-usaha mereka dalam pembangunan ekonomi, kita berjaya menerajui Multimedia Super Corridor. Tetapi kenapa dalam agama ini masih ada halangan-halangan yang kita hadapi.

Saya percaya jika soal agama diberi perhatian, jika Kerajaan Pusat melaksanakan, merancang soal agama dan dilindungi oleh peraturan dan undang-undang, saya percaya banyak program keagamaan, banyak program untuk membina sahsiah umat Islam dapat dilaksanakan. Malahan sebentar tadi kita mendengar persoalan mengenai Mahkamah Syariah. Walaupun jawapan telah diberi, tetapi bagi saya jawapan itu adalah meragukan. Kita tahu bahawa keadaan Mahkamah Syariah di negara kita adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan. Banyak masalah yang berlaku yang dihadapi oleh keluarga-keluarga umat Islam, perpecahan dalam keluarga umat Islam tidak dapat diselesaikan dengan sewajarnya. Kita tahu di mana letaknya status Mahkamah Syariah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kepada pihak kerajaan supaya soal hal ehwal agama ini dapat diselaraskan di peringkat Pusat supaya pelaksanaan agama ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin. Melalui pengalaman saya sebagai Ahli Jawatankuasa di dalam Majlis Mesyuarat, ada kerajaan-kerajaan negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak dapat mengadakan mesyuarat kerana menghadapi halangan-halangan yang tertentu yang saya sebutkan tadi yang berkaitan dengan soal perlembagaan negara dan negeri. Jadi, bagi saya, soal ini bukanlah soal yang kecil, dan soal ini harus kita beri perhatian yang serius untuk kita dapat membawa umat Islam supaya dapat memahami dan juga dapat mendalami agama, infrastruktur untuk kemudahan-kemudahan agama ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita tidak disenangi oleh semua pihak. Kita sering diserang oleh media massa Barat. Adakalanya pemimpin-pemimpin kita dilagakan, difitnah. Baru-baru ini akhbar Singapura dan Australia memburuk-burukkan Malaysia. Rentetan daripada isu yang menghangatkan suasana hubungan kedua negara Malaysia dan Singapura yang tercetus daripada tuduhan Menteri Kanan Singapura berhubung dengan kadar jenayah di Johor yang kononnya tinggi. Walaupun isu ini dianggap telah ditutup ekoran daripada maaf yang dipohon oleh pihak yang menuduh, tetapi pada pandangan saya, tindakan akhbar *The Straits Times Singapura* yang menerbitkan gambar statistik dan fakta mengenai kadar jenayah di Johor dari tahun 1995 hingga ke bulan April 1997 adalah merupakan satu tindakan jahat dan mempunyai niat yang serong yang bertujuan untuk memalukan negara. Malah kita semua tahu akhbar *The Straits Times Singapura* mempunyai hubungan yang rapat dengan Kerajaan Singapura. Apakah tujuan mereka semasa salam persahabatan dihulur, tetapi di dalam akhbar yang dibaca oleh umat seluruh dunia, kita dikutuk. Tidakkah tindakan ini bertujuan untuk memalukan Malaysia?

Tidakkah ini bertujuan untuk menggugat kepercayaan pelabur luar kepada negara Malaysia. Saya 'mengangkat topi' kepada keikhlasan pemimpin-pemimpin negara kita yang begitu mudah menerima maaf yang dipinta oleh Menteri Kanan itu. Tetapi kita harus berhati-hati dengan sikap negara jiran yang 'telunjuk lurus kelingking berkait'.

Kita berharap agar Dewan yang mulia ini merakamkan rasa tersinggung dan memandang berat kepada sikap dan pendirian akhbar tersebut yang disyaki mempunyai niat yang jahat dan serong terhadap Malaysia serta tidak peka kepada sensitiviti negara tetangga. Kita berharap semua negara ASEAN akan mengamalkan sikap setiakawan, hormat-menghormati dan menjaga hubungan diplomatik.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu lagi berita mengenai tuduhan oleh Setiausaha Sukan Komanwel Australia, Arthur Tunstall yang menuduh Kuala Lumpur menggunakan wang untuk mengatasi Adelaide dalam usaha mendapatkan status sebagai tuan rumah Sukan Komanwel. Tuduhan ini telah disiarkan dalam laporan akhbar *Sydney Morning Herald* pada 3hb. Mei yang lalu. Bagi kita, cemuhan itu adalah satu tuduhan karut yang tidak berasas. Cemuhan-cemuhan daripada akhbar Australia telah lama menjadi asam garam hidup kita. Namun saya ingin mempersoalkan apakah tujuan Arthur dan *Sydney Morning Herald* melahirkan tuduhan yang tidak berasas itu. Apakah bukti yang menunjukkan Kuala Lumpur menggunakan politik wang untuk itu. Arthur harus tahu kita sekarang ini memerangi politik wang secara habis-habisan.

Untuk membersihkan arang yang terconteng, saya menyokong tindakan Majlis Olimpik Malaysia yang telah menerima nasihat daripada Pengerusi Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Michael Pannel yang mencadangkan Malaysia bertindak untuk membersihkan nama. Australia perlu memberi kepastian tentang dakwaan dan

membuktikan kebenarannya. Australia perlu meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia jika terbukti dakwaan itu tidak berasas. Kita berharap Kerajaan Malaysia dan pihak penganjur Sukan Komanwel 1998 (SUKOM '98 Berhad) akan menyahut cabaran ini sebagai dorongan untuk menjayakan SUKOM '98 dengan cemerlang dan akan menganjurkan satu temasya yang terbaik dan akan tercatat dalam sejarah sukan negara dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa perhimpunan tribunal rakyat telah terjadi pada awal 1997. Keamanan negara tercemar dengan tindakan 9 buah NGO yang kononnya memperjuangkan keadilan. Pada bulan lalu satu demonstrasi yang didalangi oleh PAS berlaku di pintu masuk Universiti Malaya. Peristiwa ini tidak boleh dipandang ringan, semacam ada usaha di kalangan, dengan izin, unknown yang ingin melihat negara huru-hara. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri, apakah pihak kementerian dapat mengenal pasti siapakah dalang di belakang rusuhan ini. Adakah ia ada kaitan dengan musuh daripada luar? Saya juga ingin kepastian 9 NGO yang terlibat dalam tribunal rakyat. NGO ini perlu didedahkan kerana ia mencemarkan NGO-NGO lain yang berkhidmat secara sukarela dan tidak terlibat dengan tindakan buruk tersebut. Tambahan pula jika rakyat tidak sedar kedudukan badan-badan sukarela yang mereka anggotai, mungkin mereka menyokong NGO yang menjadi kuda tunggangan anasir luar yang ingin merosakkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, order dunia baru telah berubah. Dengan proses globalisasi mengambilalih sempadan negeri dan benua, cabaran-cabaran di hari muka lebih mencabar dan getir. Untuk terus maju, kita perlu rajin dan melipatgandakan usaha. Tindakan kerajaan merebut peluang untuk menerajui bidang informasi maklumat adalah tindakan yang bijak dan berani. Apalah harapan kita untuk melonjakkan pencapaian kita jika kita

tidak segera menguasai teknologi terkini. Untuk menyelamatkan masa depan kita, kita tidak harus lari dan memencil diri daripada arus perubahan yang berlaku di sekeliling kita. Kehancuran negara komunis telah membuktikan bahawa sikap tutup pintu tidak akan dapat menyelamatkan negara mereka daripada ditembusi oleh arus globalisasi dunia. Malah negara komunis hancur satu persatu tanpa dapat mencapai dan membuktikan kebenaran fahaman mereka.

Maka untuk memastikan kita akan terus berada dalam arus pembangunan dunia, dan kita dapat menentukan arah tuju dan pembangunan itu, dapat mempengaruhi alirannya, dapat membudayakan perkembangan tersebut, perlulah kita turun menerajui atau sekurang-kurangnya bersama dalam perubahan yang akan terjadi supaya suara dan hasrat kita tetap ada bersama supaya kita tidak sekali lagi terjajah secara teknologi. Saya amat bersetuju dengan pandangan dan pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya kita tidak mengasingkan diri serta tidak menahan rakyat daripada terdedah dengan keadaan langit terbuka dan dunia informasi maklumat yang berkembang pesat pada masa ini.

Yang perlu kita tangani adalah melahirkan masyarakat yang mempunyai ketahanan yang kukuh melalui asas agama, moral dan sistem nilai bangsa yang perlu ditanam dan dipasak ke jiwa semua lapisan rakyat. Semangat nasionalisme, sayangkan bangsa, agama dan negara perlu ada di setiap sanubari rakyat Malaysia. Kita perlu tahu memilih dan membezakan yang baik dan yang buruk. Kita tidak boleh dikuasai oleh nafsu yang terdorong oleh kekurangan ilmu dan kekurangan ketahanan diri. Walaupun ada pihak yang menyatakan ini adalah mustahil. Namun, dengan merujuk kepada sejarah Islam yang ditulis oleh para sahabat yang menceritakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. menegaskan bahawa “sungguhpun di akhir zaman umat manusia akan menghadapi pelbagai cabaran dan kebejatan hidup, namun masih wujud golongan umat Islam yang baik. Bila para sahabat menanyakan, bagaimanakah golongan ini dapat bertahan dalam arus kehidupan yang penuh dengan kemungkaran,” Nabi Muhammad S.A.W. menjawab,

“mereka bagai seketul garam, dan dunia di zaman itu seperti segelas air. Apabila garam ini masuk ke dalam segelas air, walaupun tidak dapat dilihat zatnya, namun air itu tetap akan masin juga rasanya, jika dikecap. Ini terbukti Nabi Muhammad S.A.W. menegaskan, “kebaikan itu akan terus wujud, walaupun ia tidak begitu terlihat.”

Para sahabat bertanya lagi kepada Nabi Muhammad S.A.W. bagaimana umat di akhir zaman dapat mempertahankan iman dan agamanya supaya tidak lebur dengan berbagai cabaran, dan godaan keduniaan. Nabi Muhammad S.A.W. menjelaskan umat Islam di waktu itu bagai ulat dalam kepompong. Kepompong itu menyelamatkan mereka.

Maka merenung ungkapan-ungkapan tersebut perlulah kita membina tembok dalaman diri setiap anak Malaysia. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puan Kamelia sebentar tadi yang berucap terawal tadi agar pembentukan masyarakat yang terhindar daripada masalah sosial perlu diberi perhatian seimbang dengan pembangunan ekonomi dan infrastruktur.

Untuk melahirkan generasi yang berdisiplin kita perlu menanam sikap disiplin di peringkat awal lagi. Sikap memanjakan anak harus diubah. Anak-anak harus diajar untuk berdisiplin. Bagi umat Islam anak-anak harus diajar sembahyang daripada umur tujuh tahun. Anak-anak harus dirotan jika tidak sembahyang pada umur sembilan tahun. Merujuk kepada apa yang ditulis dalam al-Quran itulah saya percaya bahawa merotan bukanlah satu perbuatan yang boleh merosakkan psikologi anak-anak. Dengan sebab itu saya berpendapat, bahawa pihak sekolah harus mengkaji semula larangan merotan pelajar-pelajar kerana di dalam ajaran Islam juga telah ditetapkan supaya mendisiplinkan anak-anak ini haruslah dilakukan dengan cara yang terbaik. Jika anak-anak ini tidak dapat mengikut nasihat ibu bapa penjaga kita harus menggunakan rotan dengan cara yang bijaksana.

Di negara kita juga didapati pergaulan bebas muda mudi begitu berleluasa. Masalah-masalah sosial ini tidak akan dapat kita atasi sekiranya kita tidak mengehadakan pergaulan bebas anak-anak kita. Ada peraturan di beberapa buah negara Barat di mana anak-anak tidak dibenarkan keluar selepas jam sebelas malam, tetapi di negara kita tidak ada satu peraturan pun mengehadakan remaja atau anak-anak ini, waktu mana saja mereka boleh berada di luar rumah. Oleh itu saya berpendapat supaya perkara-perkara ini perlu dikaji.

Mendisiplinkan anak-anak generasi kita akan datang perlu kita laksanakan dengan sebaik-baiknya supaya mereka akan menjadi generasi yang akan mewarisi dan juga menjayakan Wawasan 2020. Kita juga harus menghidupkan kembali budaya-budaya lama seperti menghormati orang-orang tua, guru dan sebagainya. Oleh kerana kurangnya rasa hormat di kalangan anak-anak muda hari ini pelbagai masalah sosial dan gejala sosial berlaku.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puan Kamilia Ibrahim terawal tadi di mana kita harus mempertingkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk ibu-ibu yang bekerja. Ada negara-negara Barat - Holland kalau saya tidak silap memberikan peluang kepada ibu-ibu yang melahirkan anak boleh mengambil cuti bergaji selama dua tahun untuk membesarkan anak-anak dan mereka boleh kembali ke bidang pekerjaan mereka - dipastikan bidang pekerjaan mereka masih tetap ada selepas mereka mengambil cuti tersebut untuk bertugas semula menyumbangkan tenaga kepada negara dan bangsa.

Saya fikir perkara-perkara ini juga dapat kita kaji untuk kita mempertingkatkan dan memperhebatkan usaha-usaha kita untuk menjaga kebajikan anak-anak supaya besar mereka nanti akan menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang, saya nampak ramai Ahli Yang Berhormat, terutamanya Yang Berhormat Datuk Ibrahim itu menunggu untuk mengambil peluang berucap. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan menekankan bahawa merenung kepada dua ungkapan Nabi Muhamad s.a.w yang saya sebutkan tadi, memahami kiasan-kiasan dan imbasan-imbasan tersebut, saya yakin dan percaya insya-Allah kita akan berjaya untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang berpaksi kepada agama Islam sebagai agama rasmi negara untuk muncul sebagai negara yang berjaya di dunia ini. Dengan ini saya juga turut menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali

5.20 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Prtua. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk turut menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim mengenai dengan suatu ucapan yang telah dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tarikh 24hb. Mac 1997 diwaktu merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai anggota Dewan yang mulia ini, bukan sahaja turut memanjatkan syukur kepada Allah SWT, tetapi lebih-lebih lagi memohon semoga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat terus bersemayam di singgahsana dan negara kita akan terus berada dalam keadaan stabil dan aman. Titah Baginda antara lain dalam pembukaan, Seri Paduka Baginda menyebut bahawa “Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana keselamatan negara sentiasa berada dalam keadaan stabil dan aman. Beta penuh yakin ini adalah hasil daripada sumbangan dan peranan semua pihak termasuk pasukan keselamatan. Namun begitu kita perlulah sentiasa berwaspada. Adalah

menjadi tanggungjawab semua pihak terutama sekali rakyat jelata untuk bersama-sama kerajaan mengekalkan keamanan yang dinikmati sekarang ini supaya negara terus membangun ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020". Itulah pembukaan ucapan Seri Paduka Baginda. Alhamdulillah, negara kita stabil, aman dan menempuh kecemerlangan demi kecemerlangan dan kita bernasib baik berbanding dengan negara lain. Malah pada hari ini kita turut berdukacita dan sedih kerana rakyat negara Iran telah ditimpa gempa bumi yang menyebabkan beribu mati dan seumpamanya. Di negara kita berbeza, sebagaimana titah ucapan Baginda, kita stabil, aman dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua tidak datang dengan cara yang bergolek ataupun datang dengan sendirinya. Kerana kestabilan dan kejayaan inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon untuk bercuti bukan untuk berehat tetapi sambil bercuti menjalankan kerja-kerja rasmi untuk negara terutamanya untuk mempromosi apa yang dikatakan pembangunan multimedia. Percutian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama dua bulan yang akan dipangku oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan juga akan memangku Presiden UMNO, parti tulang belakang kepada Barisan Nasional yang memerintah negara kita ini telah menimbulkan berbagai-bagai spekulasi yang negatif. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan berbagai-bagai penjelasan sewaktu mengadakan sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi pada 10hb. Mei baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kestabilan dan keamananlah, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yakin untuk meninggalkan negara sambil menjalankan tugas rasmi dan berehat seketika. Sewaktu menjadi Perdana Menteri hampir 16 tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah bercuti. Dan apabila beliau mengambil cuti berbagai spekulasi telah dibuat. Ada yang mengatakan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri sakit untuk menjalani pemeriksaan doktor dan paling ketara ialah ada pihak yang mengatakan dengan sinis bahawasanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri sebagai proses ujian kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan jua Timbalan Presiden Parti. Saya ingin menyatakan di sini, kesanggupan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bercuti dua bulan dan melantik Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku timbalan sebagai Pemangku Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO, bukan sahaja atas keyakinan beliau terhadap timbalannya yang telah bekerja beberapa tahun bersama-sama dengan beliau sebagai timbalan tetapi bagi saya ianya bukan sebagai ujian kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudahpun lulus ujian, kerana apa yang dikatakan Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah lulus test, maka Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir beri kepercayaan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Pemangku Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO. Saya berpendapat...

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya ujian macam mana yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Timbalannya sehinggakan kita dapat membuat kenyataan bahawasanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah lulus.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Dr. Mahathir Perdana Menteri kita adalah orang yang bijak, orang yang waras, orang yang penuh dengan pengalaman, yang sudah terbukti dengan kepimpinannya, dan apabila beliau membuat keputusan untuk melantik Dato' Seri Anwar Ibrahim memangku Perdana

Menteri dan memangku Presiden UMNO bererti Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri yang memeriksa rakan sejawatnya yang membantu beliau sebagai timbalan bahawasanya beliau yakin Dato' Seri Anwar telah lulus, luluslah!, 'as simple as that'. Lulus, sebab kalau Perdana Menteri berpendapat bahawa dia ragu-ragu, baru hendak ambil periksa, hendak test, sudah barang tentu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mengambil keputusan yang sedemikian, sebab dua bulan masa ini adalah lama. Banyak keputusan mesti dibuat dan jawatan pemangku ini digazet bererti ianya satu tanggungjawab yang besar dan kita yakini bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim mampu menjalankan kerjanya sebagai Pemangku Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO sebaik yang telah ditunjuk oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, insya-Allah. Saya sebutkan tadi kenapa Dato' Seri Dr. Mahathir yakin kerana kedua-dua pemimpin ini telah menunjukkan keupayaan lebih-lebih lagi Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam mengikut rentak kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Seri Mahathir Mohamad. Tidak ada masalah. Saya yakin insya-Allah tidak ada perkara-perkara yang luar biasa yang akan berlaku, dan sekaligus juga mungkin ini kebijaksanaan Dr. Mahathir, kerana selama ini ada pihak-pihak yang membuat spekulasi ada pergeseran antara Presiden dan Timbalan Presiden, ada macam-macam cerita. Tengok Dr. Mahathir, dia selesai masalah dengan senang sahaja. Dia lantik Dato' Seri Anwar Ibrahim. Mati sekaligus segala spekulasi terutama oleh media Barat yang cuba untuk mengadu-dombakan kestabilan politik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi kestabilan, aman dan kita mencapai kecemerlangan bukan datang dengan cara yang bergolek. Ia datang dengan cara yang ditunjuk dan dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam masa hampir 16 tahun melalui berbagai rintangan dan cabaran. Tadi disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, kita pun semua tahu, bukan sahaja hari ini dahulu pun kita sudah

bercakap soal negara contoh, kehebatan negara kita telah disah melalui beberapa anugerah Almarhum Al-Malik Faisal mengenai dengan sumbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kepada pembangunan Islam di Malaysia dan peringkat antarabangsa, anugerah Jawaharlal Nehru mengenai dengan Persefahaman Antarabangsa (International Understanding), perhubungan antarabangsa, anugerah daripada kerajaan Bahrain, Kuwait dan yang terakhir daripada South Africa oleh Nelson Mandela, iaitu Order of the Good Hope - First Class, yang semua ini mencerminkan akan kejayaan yang telah ditempuh oleh Malaysia di peringkat antarabangsa, di mana Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengatakan bahawa anugerah yang beliau terima bukan kerana peribadi beliau. Anugerah yang beliau terima adalah bagi pihak rakyat dan negara Malaysia atas pencapaian kita setakat ini.

Ini satu kehebatan yang cukup luar biasa dan perkara ini telah berlaku beberapa tahun sebelum ini di mana suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangsa-Bangsa Bersatu, di Persidangan Negara-negara Berkecuali (NAM), di Persidangan Negara-negara Islam (OIC), di Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1992 dahulu di Rio de Janeiro mengenai dengan alam sekitar disusuli dengan pembangunan sosial di Copenhagen tahun 1995 dan banyak lagi sidang antarabangsa yang mana nyata sekali Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sudah mengambil tempat pemimpin-pemimpin besar dahulu, seperti Jamal Naser, seperti Tito - Yugoslavia ataupun Sukarno - Indonesia malah Dr. Mahathir sudah melangkah lebih jauh daripada pemimpin-pemimpin ini dalam perjuangan untuk menegakkan hak dan keadilan dari segi isu-isu kemanusiaan bukan sahaja di negara Selatan, Negara Membangun malah di dunia seantero, ini sudah jelas.

Kerana kejayaan inilah yang tidak terfikir oleh mana-mana pihak membuatkan banyak orang iri hati. Lebih-lebih lagi negara maju, lebih-lebih lagi negara Barat. Negara Barat, negara maju yang sentiasa melihat dunia ketiga, negara selatan tak lebih daripada alat mereka semata-mata. Kita lihat bagaimana mereka menjajah negara Afrika, kita lihat bagaimana negara maju buli negara Latin Amerika, kita lihat bagaimana negara

maju buli negara-negara di Asia Pasifik, walaupun mencapai kemerdekaan berpuluh tahun lamanya tetapi kita masih berlutut kepada penjajah kolonialism sampai sekarang.

Kerajaan bersilih ganti, huru-hara, pembunuhan, kemiskinan dan mereka terus menanggung kekayaan dan hidup dengan penuh cengkaman oleh negara maju. Alhamdulillah! Dato' Seri Dr. Mahathir pemimpin kita bukan sahaja menjadi jurubicara kepada negara membangun dan negara-negara yang saya sebutkan tadi, malah dapat membangun negara kita. Dan kerana negara kita membangunlah menyebabkan segala suara dan segala pandangan yang dibawa oleh pemimpin kita di peringkat antarabangsa ada kredibiliti.

Kalau kita miskin, kalau kita tidak stabil, kita huru-hara, rakyat pun miskin tidak ada pembangunan, sudah barang tentu suara pemimpin kita tak laku di peringkat antarabangsa. Lakunya ialah kerana kejayaan kita di Malaysia, itu asasnya dan ini kerana kejayaan kepimpinan negara kita. Pemimpin siapa? Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Siapa dia? Presiden UMNO. Siapa dia? Pengerusi Barisan Nasional. Maka ertinya perjuangan UMNO, Barisan Nasionallah yang menjadi intisarinya kepada kejayaan. Hebat di peringkat antarabangsa, tidak boleh dipersoalkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, maka banyak orang iri hati. Sebab itu saya ingin menyentuh apabila kita membaca akhbar semalam iaitu kenyataan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri bidas media. Perdana Menteri tegur kita negara membangun sekarang ini sudah sampai kepada peringkat 'middle income country', bermaknanya sudah sampai, walaupun belum sampai lagi kepada negara maju tahun 2020 masih lagi di peringkat sebagai negara yang membangun, tetapi orang memandang kita, negara luar memandang kita seolah-olah kita sudah sebagai negara maju. Ramai pemimpin luar datang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dijemput berucap di banyak tempat dan forum-forum antrabangsa. Oleh kerana itu, adalah beberapa isu yang perlu kita 'address' terutamanya untuk mengingatkan diri kita di mana apabila Perdana Menteri ataupun Presiden UMNO menyebut 'bidas media', kita telah separuh maju, 'middle income' sudah naik, golongan pertengahan sudah naik, tetapi jangan jadi pemikiran 'third class'. 'Third class thinking in the first class nation', teguran-teguran yang dibuat ini yang saya kira patut kita beri perhatian.

"PM bidas media itu orang surat khabarlah yang membuat sensational tetapi saya ingin menarik perhatian di sini, apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri sebenarnya ialah supaya pihak media, pihak NGO, pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin-pemimpin parti politik harus sedar dan 'alert' kerana pihak musuh yang mempunyai iri hati dan dengki dengan negara kita sedang menunggu masa sahaja untuk mencelah dan mengganggu-gugat kestabilan politik negara kita, kerana sikap tidak senang hati mereka kerana kejayaan kita ataupun kerana suara Malaysia yang dibawa oleh Perdana Menteri kita menggugat kepentingan negara-negara yang sudah lama bermaharajalela mencengkam negara-negara yang miskin, negara-negara yang daif yang saya sebutkan tadi. Sebab itu kita kena berwaspada.

Tuan Yang di-Pertua, contoh, saya hendak menyebut, pertama, isu yang membabitkan Ahli Parlimen dari Kota Melaka, hari ini Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang jawab dalam surat khabar, saya baca: "*Kit Siang tidak cabar PM*", Ketua Pembangkang buat penjelasan bahawa beliau tidak mempersoalkan keputusan mahkamah, tetapi semua orang tahu.

Semua orang tahu beberapa hari yang lalu, dua, tiga minggu yang lalu sesudah beliau dihukum oleh mahkamah disabit kesalahan di Mahkamah Tinggi Melaka beliau mengatakan beliau dianiayai, yang telah dijangka hukumannya, yang menyebabkan beliau hilang hak sebagai Ahli Dewan Rakyat dan macam-macam kenyataan yang dibuat dan kenyataan-kenyataan ini disiarkan oleh akhbar di peringkat antarabangsa yang mesejnya seolah-olah negara kita tidak mengamalkan demokrasi dan judiciary atau sistem kehakiman kita kononnya dikawal ataupun dicengkam oleh parti pemerintah. Itu mesejnya.

Sebab itu Perdana Menteri sendiri membuat penjelasan semalam dalam surat khabar memberi perbandingan, tidak pernah kita mencampuri urusan hal bidang kehakiman, tetapi kesan yang dilakukan oleh pihak Ahli Parlimen Kota Melaka ini, ibarat kata, kalau kita tidak waspada kerana 'nila setitik rosak susu sebelanga', memberi gambaran ke seluruh dunia kehakiman kita tidak bebas, tetapi penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan untuk kita mengingat kembali dan banyak contoh yang lain. UMNO diharamkan tahun 1987, pilihan raya kecil dua di negeri Sarawak, itu keputusan mahkamah yang tidak memihak kepada Barisan Nasional, ada pemimpin-pemimpin parti UMNO, MCA atau MIC pernah juga didapati sabit kesalahan di bawa ke mahkamah dan didapati salah, hilang kelayakan dan ada yang masuk penjara, Dato' Harun Idris dahulu pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO, pernah merengkuh di Penjara Pudu, yang semua ini testimony bahawa tidak pernah sistem kehakiman kita dicabuli oleh parti pemerintah ataupun kerajaan yang memerintah.

Tetapi Tuan Lim Guan Eng ini dia 'act', dia ingat dia penting sangat, dia ingat dia besar sangat, dia ingat kerajaan atau parti UMNO takut sangat, takut bermakna dia ini boleh menggugat Malaysia, dia ini popular 'hero'. Maka sebab itulah kononnya pihak kerajaan pemerintah berpakat dengan pihak kehakiman menggugurkan, mengenakan hukuman yang dia hilang kelayakan. Itu gambaran yang dia beri, 'insinuation', dengan izin, yang dia buat, 'innuendo' yang dia buat. Apa benda sangat Tuan Lim Guan Eng ini? - Semut sahaja, semut sahaja!

Tetapi kenyataan dia di pick up oleh pihak tertentu, diberi publisiti yang begitu besar, setiap patah yang dia bercakap keluar dalam media massa, sehingga dia menyentuh soal-soal bidang kehakiman, diveduk pula oleh pihak-pihak akhbar seperti yang saya katakan tadi. Ini yang kita kena jaga. Sama juga dengan NGO, sama juga dengan pihak akhbar. Sebab peranan yang dimainkan oleh Malaysia sekarang ini, sebab itu ada negara-negara di Latin Amerika ataupun di Afrika, pemimpin mereka tidak berani oleh kerana kuasa besar itu yang kita tahu, ada yang sebut G7, ada yang sebut terminologi negara maju - tak berani.

Sebab kalau tidak mengikut telunjuk mereka, maka kita 'finish' dari segi apa yang dinamakan 'foreign inn', tetapi kekayaan yang mereka kaut, yang kita lihat sampai rakyat di selatan hidup menderita, tetapi harga makanan seekor anjing di Amerika Syarikat boleh membiayai 100 orang miskin daripada kebuluran di negara Afrika, cuba kita bayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, maka sudah barang tentu mereka ini mencari jalan dan hari ini suara Malaysia sudah kedengaran dan apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita sudah menjadi contoh,

menjadi peransang, menjadi motivasi, menjadi inspirasi kepada pemimpin-pemimpin di dunia ketiga, negara selatan. Yang terbaru dialog negara-negara Afrika Selatan, hanya Perdana Menteri kita sahaja diundang menjadi 'moderator'. Perdana Menteri menyebut dalam satu mesyuarat yang saya hadiri sampai Perdana Menteri kita kata, dia pun rasa naik segan, naik malu, naik embarass, segala-galanya ditanya pengalaman Malaysia, dialog negara-negara selatan dan ketua-ketua di Afrika Selatan, negara Afrika, dia ikut sama dengan dialog Langkawi, berapa ramai pemimpin berhimpun dan hendak mencari dan hendak melihat pengalaman Malaysia, kita sebagai role model. Sampai begitu dah peringkat kejayaan kita yang sukar ditandingi. Jemputan yang kita lihat kepada Perdana Menteri untuk melawat negara-negara ini, pendek kata memang tidak buat kerja di Malaysia kalau paksa diterima, kerana apa, kerana penghormatan tadi.

Tetapi ini akan hancur kalau ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, Lee Kuan Yew bekas Perdana Menteri Singapura, saya tidak hairan ada orang terkejut, dia kata, itu satu kesilapan, ini semata-mata affidavit kerana kes dia dengan Ahli Pembangkang yang bernama Tan Leong Hong. Bekas Perdana Menteri Singapura ini bukannya bodoh, dia cerdik. Dan DAP ini lahirnya daripada PAP. Itu sejarahnya. Kerana Malaysia berpisah dengan Singapura maka tidak ada lagi PAP di Malaysia maka diwujudkan DAP, jadi, bekas Perdana Menteri Singapura tahu. Sebab dahulu dia ingat Singapura sahaja champion, ini saya bercakap di sini, ini pandangan saya secara peribadi, sebab dari dahulu dan selama ini kita memang kata, oh Singapura 'the best', itu 'the best', Lee Kuan Yew hebat dan sebagainya, dia tidak terfikir lahir seorang pemimpin Malaysia yang lebih hebat daripada beliau!

Dia ingat Singapura sahaja yang menjadi tempat rujukan. Akhir sekali, dia mengambil kesempatan masuk dalam affidavit. Takkan dia tak tahu perkara ini akan

terbongkar, dia orang cerdik, dia bukan bodoh! Afidavitnya satu public document, sesudah ia dibawa ke mahkamah dengan menuduh Johor sebagai sebuah negeri, dengan izin, 'the place is notorious for shootings, muggings and car jackings' - habis kecoh jadi isu.

Pada saya sebenarnya, dia hendak embarass kita sahaja, cuba hendak 'downgrade' kepimpinan Malaysia dan kejayaan Malaysia. Betullah dia sudah minta maaf, but damage has been done, ibarat kata luka sudah luka. Luka kalau sembuh pun ada parut dan kita bangsa yang bermaruah bukan kata pantang dicabar, tetapi parut sudah ada, luka sudah luka!

Kenapa? Sebab iri hati, saya berani kata Lee Kuan Yew iri hati, ia betul-betul iri hati, lebih-lebih lagi kenapa iri hati? Sebab Lee Kuan Yew adalah seangkatan, sezaman dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Waktu perjuangan mencapai kemerdekaan dahulu, zaman seangkatan dengan Almarhum Tunku dan Dato' Onn dahulu, Lee Kuan Yew di Singapura dan kemudian kita melihat bagaimana berlaku pilihanraya tahun 1969, kita ingat atau tidak?

Mereka menganggap bahawa Malaysia tidak mungkin dapat mengatasi Singapura, tetapi hari ini terbukti! Dan ada keluar dalam surat khabar mungkin ramai rakan-rakan kita tidak tahu, rupa-rupanya Singapura lebih banyak 'crime' daripada Malaysia. Jenayah di Singapura lebih banyak daripada Malaysia, ini report daripada, dengan izin, *'The crime rate in Singapore is higher than in Malaysia according to the United Nations Commission of Crime Prevention of Criminal Justice Latest Report. The Report which provide crime statistic worldwide, state that there were more cases of homicide, murder, assaults and robberies in Singapore than in Malaysia'. The statistic are based on the*

rate of crime per 100,000 population in the 40 UN member countries they are presented in the commission'. Panjang ini! Saya tidak hendak bacalah, saya sebut sahaja.

Ini menunjukkan sebenarnya jenayah di Singapura itu lebih banyak daripada Malaysia, tinggal lagi orang tidak mahu bercakap bab Singapura sebab kalau hendak disebut soal kebebasan akhbar, Malaysia lebih bebas daripada Singapura. Tengok surat khabar mingguan, tabloid, *Rocket* kepunyaan DAP, *Harakah* kepunyaan PAS, tabloid setiap minggu, macam-macam cerita-cerita sensasi, cerita-cerita speculation macam-macam. Ada surat khabar macam itu di Singapura? Tak ada! Berani *The Straits Times* Singapura buat berita mengenai dengan negara mereka? Tak ada! Jadi, orang kata negara Singapura itu bagus kerana sebab tidak disiarkan dalam surat khabar. Cuba kalau surat khabar Singapura itu sebeb sama dengan Malaysia, keluarlah report ini. Ini report United Nations bukan main-main, dengan izin, the commission which is based in Vienna, Austria was published by United Nations Economic Social Council in February 1992 and is a major legislative and policy making of the United Nations. Asian state represented in commission include China, Indonesia, Japan, Malaysia, Singapore, Philipines and Sri Lanka.'

Ada jelas, fasal apa? Terkongkong. Tengok ahli Parlimen Singapura, ahli Pembangkang yang bernama Tan Leong Hong baru bertanding pilihan raya, mereka kejar macam tikus. Lari kawan itu tinggalkan Singapura melalui Tambak Johor, baru sahaja lawan, baru bertanding pilihan raya, tidak ada orang besarkan. Itu baru hendak lawan, baru seorang sahaja bukan ramai. Katakanlah kalau parti Pembangkang di Singapura ini seperti DAP atau PAS di Malaysia ini, saya tidak tahulah - Wuallahualam. Macam mana Lee Kuan Yew ataupun Goh Chok Tong, Perdana Menteri Singapura hendak react - macam mana

dia hendak react? Tetapi crime di Singapura orang tidak tahu, kelemahan tidak tahu, sebab tidak ada disiarkan dalam surat khabar sama ada *The New Straits Time*, *Berita Harian* dan sebagainya, akhbar-akbar lain tidak ada, tidak sebebas di Malaysia, tetapi kita bebas. Sebab itu kita sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, ingatan Perdana Menteri supaya pihak media, ingatan Perdana Menteri kepada pihak NGO termasuk Kesatuan Sekerja supaya jangan menjadi alat seperti negara Barat.

Pihak media jangan menjadi alat, membesarkan perkara yang kecil, tetapi perkara yang besar tidak dibesarkan. Contohnya parti-parti Pembangkang macam cerita Lim Guan Eng tadi 'semut merah' ini dari Kota Melaka pun, kita mendengar cerita. Bibit-bibit ini boleh merosakkan pencapaian yang kita nikmati sekarang, sama ada kestabilan, keamanan atau kemakmuran.

Saya tidak hendak sentuh soal kemajuan dan ekonomi kerana kita sudah tahu, sebab itu kita menjadi contoh, kalau tidak masakan Perdana Menteri kita menerima anugerah. Saya baca citation bila anugerah dibuat, ucapan oleh pihak Yayasan Al-Malek Faisal, saya ada tengok video klip citation apabila Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menerima anugerah Jawaharlal Nehru - sudah cukup semuanya. Ini kerana kejayaan negara kita. Pertumbuhan ekonomi - 8.2% hampir 9 tahun sekarang ini berturut-turut daripada negara membangun naik menjadi middle income class, walaupun belum sampai lagi taraf negara maju, tetapi sekarang ini kita sudah mempunyai mercu tanda yang tertinggi di dunia, lapangan terbang yang terbesar - memang orang iri hati. Dahulu saya pun rasa ini 'buang duit', tetapi sekarang ini bila memandu kereta keluar dari rumah pada waktu malam tengok dua mercu tanda terpacak di situ, saya pun naik seram bulu roma, punya terrornya kita sekarang ini. Pada masa dahulu orang bercakap 'seven wonders of the world' pergi Egypt itu yang dibuat berpuluh tahun dahulu, pergi tengok Taj Mahal,

Great Wall of China - itu cerita zaman dahulu, tetapi pada zaman sekarang, zaman sains dan teknologi ini, nah! Muncul dua buah bangunan yang tertinggi di dunia, Amerika tidak hendak mengaku lagi, mereka mengatakan bangunan mereka yang tinggi - tiga empat inci pun hendak berkelahi lagi - hendak berkelahi lagi, sebab masalah world record - dalam buku world record ini hendak berkelahi lagi. Apabila siap cybercity di Sepang nanti, bila siap Koridor Raya Multimedia lagi hebat - itu saya pun tidak terfikir, tidak payah kita pergi keluar negeri. Saya tinggal di Taman Melawati, apabila saya keluar tengok terpacak bangunan macam gergasi punya hebat tentu orang dengki, siapa tidak dengki - dengki, Lee Kuan Yew dengki - iri hati - cemburu. Negara maju tidak usah kisahlah.

Saya pernah banyak kali mengikuti rombongan Perdana Menteri terutamanya Sidang Kemuncak Bangsa-Bangsa Bersatu, memang pening mereka mendengar ucapan, yang berani menegur negara Barat sebelum ini ialah Fidel Castro dari Cuba. Tetapi pemimpin ini tidak boleh bercakap banyak sangat, sebab fahamannya satu, tidak sama dengan negara-negara yang mengkritik mereka, negara yang berfahaman kepada sosialis dan rekod pencapaian negara pun 'at state'. Manakala kita turun sahaja orang Afrika tengok ada dua menara, bukan sahaja rakyat biasa, Perdana Menteri daripada setengah-setengah negara melawat nah! Dengan kamera sampai duduk bertinggung mengambil gambar berapa lens kena pakai hendak sampai atas itu - itu kebanggaan negara kita, kejayaan ini memang membuatkan orang iri hati dan tidak payah kita sebut rekod pencapaian ini, tetapi ada dua-tiga perkara ingatan Perdana Menteri.

Ini saya hendak sampaikan ingatan Perdana Menteri, yang paling utama kejayaan ini boleh hancur daripada dalam, kalau kita dapat menangkis musuh, dapat menangani musuh luar baik pihak-pihak negara maju, baik pihak-pihak yang tidak ingin melihat

negara kita melangkah ke hadapan dan NGO memberi kerjasama, media pun faham peranannya, tidak diperalatkan, parti Pembangkang pun bertanggungjawab. Ada isu-isu lain yang boleh meruntuhkan negara kita, antara lain ialah rasuah dengan gejala sosial. Sebelum daripada itu apabila kita sudah sampai kepada separuh negara maju, Tuan Yang di-Pertua, harapan Perdana Menteri kita dan kita juga bertanggungjawab ialah untuk menghebah dan membudayakan reformasi budaya masyarakat negara kita ini supaya janganlah sudah maju, tetapi duduk di dalam keadaan yang lama. Seperti kita lihat ada rumah setinggan lagi di Kuala Lumpur tidak mahu pindah, ada bangunan pencakar langit, yang rumah setinggan ini pula saya pun naik hairan, pakai kereta Mercedes, bukan main lagi bergaya dengan kereta Mercedes - berkilat, pakai coat dan neck tie - duduk di rumah setinggan, tidakkah gila! Tidak masuk akal, inilah yang dikatakan mentaliti, duduk dalam sampah.

Cuba pergi ke rumah setinggan kalau hendak merasa, betul-betul rasa dalam sampah, tetapi pakai Mercedes - sama juga dengan kedai-kedai, ada lagi warung-warung, buat warung buat kedai dalam kotaraya, bawah itu longkang, tikus pun lalu, yang buka kedai sama, yang pergi makan pun sama. This type of mentality yang dimaksudkannya. Begitu juga rumah-rumah pangsa. Rumah-rumah ini sekarang sudah cantik, bangunan menara itu cantik, ada setengah-setengah tempat itu kita tengok sudah indah, Bandaraya sudah berusaha, tetapi ada flet-flet mula-mula cantik selepas itu kemudian keluar Mdm. Fong di luar ikut jendela, sidai baju panas, baju dalam, yang dalam, yang luar, macam-macam, kelambu - semua disidai di luar flet. Ini yang dikatakan mentaliti kita sudah maju, sebab ikut mana pun Tuan Yang di-Pertua, kita lihat masalah kebuluran sudah tidak ada. Tetapi asas rakyat negara kita walaupun di kampung umumnya sudah senang, lebih-lebih lagi yang dalam bandar itu tidak usah kisahlah. Yang dalam bandar ini lebih-

lebih lagi, mereka mesti tukarlah sikap, sudah ada Internet di rumah, sudah ada Astro, sudah ada macam-macam, Mega TV dan sebagainya, tetapi mentaliti ini mestilah ditukar, yang Perdana Menteri merungut minta kita rakyat Malaysia sahut ialah supaya mengubah reformasi budaya ini, supaya biarlah cara hidup kita seimbang dengan pencapaian kita. Pakaian kemas (smart), sekarang ini rakyat Malaysia di kampung pun sudah ada yang pakai coat [*Ketawa*], itu yang terlebih, dengan bush jacket - ini cerita pemimpin politik kitalah. Di Kuala Lumpur selekeh pergi mesyuarat, balik kampung pakai coat bersongkok - ini satu hal juga. Jadi, tidak kena, tidak disesuaikan mentaliti ini.

Saya ingin mencadangkan, kalau boleh kerajaan mempertimbangkan bukan hendak mengenakan undang-undang - tidak, bukan hendak paksa rakyat. Kalau tidak boleh terpaksa satu undang-undang dibuat. Ada alasan mengatakan kita sidai baju, kain selimut, apa-apa sahajalah yang disebutkan tadi di luar kerana flet kecil, rumah kos rendah ini kecil, ada yang dua bilik, sebilik hendak bernyawa pun tidak boleh, mana hendak letak gas, mana hendak letak bilik tidur, anak ada tiga-empat orang - itu alasan. Kalau kita tengok setengah-setengah negara lain, kecil juga, tetapi bersih dan kita lihat ada rumah yang besar - kotor juga. Jadi, bukan masalah saiz rumah, it is not the question of a size of the low cost flat ataupun rumah murah, dengan izin, yang dipentingkan ialah mentaliti - kecil atau besarkah kalau bersih - bersih, kalau kotor, besar pun kotor. Misalnya saya tengok orang memakai kereta Kancil, ada yang bersih, ada setengahnya memakai 'act' pakai kereta S320 - kotor macam baru keluar

Seorang Ahli: Kelantan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Eh! Bukan Kelantan. [*Ketawa*] Kalau Kelantan, barangkali orang itu dari Pulau Melakalah itu! Ya tak? Kotor, pakai S320, S420 - bersih mesti canggih - bersih, itu lambang kita, tukar mentaliti, itu yang dikatakan mesti tukar

mentaliti, sekurang-kurangnya bukanlah kita hendak terus melangit - tidak, tetapi perkara asas ialah kita kena tengok rumah-rumah pangsa, rumah-rumah murah semua taman-taman perumahan, jalan-jalan bersih, sebersih-bersihnya, seindah-indahnya.

Dahulu slogan 'Kotaraya Dalam Taman Bunga'. Ini pokok bunga cantik, lampu berkelip, tengok di atas itu ada seluar dalam, bergayut di situ buat apa? Ini simple word untuk hendak menekankan lagi maksudnya. Jadi, kalau kita buat undang-undang supaya dijadikan kesalahan, di Singapura ada kalau tidak silap saya, kita boleh buat undang-undang, kemudian kita galaklah rakyat menggunakan drye machine, ada drye machine, tidak payah sidai dekat luar - ini boleh, supaya keadaannya nampak lebih tenang, lebih bersih sesuai dengan kotaraya yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi masalah yang dua lagi ialah rasuah dan gejala sosial, sebenarnya samalah itu. Ada orang ingat gejala sosial dalam bahasa yang mudah seperti yang disebut tadi pada waktu soal jawab, 'dadah, jenayah, suami pukul isteri, isteri pukul suami, anak lari' macam-macam cerita. Di Kelantan lagi malu, Menteri Besar Kelantan kata ini negeri Islam, baru-baru ini di Jeli ada isteri entah dia buat apa pada suaminya - jadi kecoh, keluar surat khabar. Ha! Itu di negeri Kelantan, perempuan sama perempuan kahwin.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya pun tidak tahu sebab perempuan sama perempuan kahwin - ini gejala sosial dan rasuah juga adalah gejala sosial

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rasuah ini memang dia boleh menjadi kanser dan banyak negara runtuh kalaulah ianya berlaku rasuah dan rasuah bermaharajalela, tidak boleh dikawal. Memanglah bila pembangunan berjalan dengan begitu hebat, perubahan taraf hidup rakyat pun begitu ketara, sana pembangunan, sini pembangunan, memanglah ada pihak-pihak yang cannot stand success, dia mudah temptation. Maksudnya kalau dapat jawatan mulalah - ini sebab apa? Sebab tidak cukup training. Saya - Alhamdulillah cukup training, dua kali ISA. Oleh sebab itu saya boleh bercakap macam ini, mana boleh tahan ya, Dato' Haji Mohd. Zuki - saya boleh tahan. Ada orang tidak boleh tahan, sebab akhirnya bila pegang jawatan

mulalah dengan keghairahannya lupa daratan, lupa tanggungjawab. Tetapi pada masa yang sama kita agak bangga dan kita bersyukur. Dalam parti UMNO berbeza dengan parti lain dalam Barisan Nasional.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat ada yang minta laluan, ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, dia kena ISA dua kali 'boleh tahan' katanya. Oleh itu, saya hendak tanya tahan meninggal rumahkah atau tahan duduk dalam penjara?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Pokoknya tahanlah. *[Ketawa]* Pokoknya tahan, apa-apa pun tahan. Apa-apa tahan, releks sahaja. Alhamdulillah, Nelson Mandela 25 tahun.....

Dato' Haji Md. Zuki bin Kamaluddin: Masalah juga kena tahan itu.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya, pertama dua tahun, kedua enam puluh hari. Boleh tahanlah, bolehlah tahan. Tidak adalah menggeletar lutut sahaja tetapi kalau Yang Berhormat Datuk Rahim Baba saya rasa tidak boleh, saya rasa. *[Ketawa]* Boleh tahan! Kena tahan, ini tidak tahan. Tetapi, alhamdulillah saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, hebatnya pemimpin kita ini walaupun ada orang buat spekulasi, buat tuduhan dan surat khabar main, surat-surat khabar kecil pun main, akhir sekali orang yang belum didapati bersalah, maka dituduh bersalah. Tekanan (pressure) ini menyebabkan ada pemimpin-pemimpin UMNO meletak jawatan.

Dulu Ketua Menteri Melaka, baru-baru ini Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada bekas Menteri Besar Selangor kerana ini cara UMNO yang boleh menjadi contoh. Ada pemimpin kita bila dituduh, walaupun belum lagi didapati bersalah, letak jawatan awal-awal lagi. Kalau DAP, kalau PAS, haram tidak letak. Buatlah salah macam mana pun. Ahli Parlimen Kota Bharu yang dulu Ahli Parlimen Nilam Puri, ada kes

dahulu, saya pun sudah lupa kes tetapi bilik saya ingat lagi - 121 - [Ketawa] ya tidak? Bukan sahaja tidak disingkir, diberi bertanding, dikempennya atas nama Islam, lagi banyak dapat undi. Beza dengan UMNO -letak jawatan secara terhormat - Ini hebatnya UMNO. Ada orang berpendapat ini akan jahanam parti, ini akan rosak parti. Rakyat akan lihat lapan exco disiasat keluar dalam surat khabar, orang tengok tetapi akhir sekali kita lihat inilah yang menyebabkan rakyat semakin yakin kepada UMNO dan Barisan Nasional kerana sikap terbuka dan sikap tanggungjawab kerana kita tahu dalam soal masalah rasuah ini, ia tidak mudah..... Tuan Yang di-Pertua sudah datang dah, selamat datang Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Yang di-Pertua, ia bukan perkara yang mudah kita perangi sebenarnya, ia sama dengan pelacuran. Ini ada dalam sejarah. Tidak mudah, macam mana undang-undang kita buat pun, tetapi macam mana sekali pun kita tidak boleh take for granted, rasuah mesti diperangi habis-habisan. Cara mana hendak perangi itu terserah kepada kerajaan sebab kalau saya lihat ada tiga perkara. Mana-mana pemimpin yang melakukan kesalahankah, kesilapankah, rasuahkah - pemimpin ini bukan pemimpin politik sahaja, termasuk pegawai kerajaan, yang tidak pegawai kerajaan, semualah. Orang politik, Ahli Dewan Negara tidak sampai pun tujuh puluh orang, Ahli Dewan Rakyat seratus enam puluh lima...

Dato' Haji Md. Zuki bin Kamaluddin: Silap, satu ratus sembilan puluh dua.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Satu berapa? Ha, seratus sembilan puluh dua, lepas itu campur dengan Ahli Dewan Negeri semua, lebih kurang, saya rasa tidak sampai pun dua ribu, seribu pun tidak sampai. Itu yang pemimpin politik, Tuan Yang di-Pertua. Yang dalam kabinet berapa orang, timbalan menteri berapa orang, setiausaha Parlimen berapa orang? Exco lapan ke sepuluh orang sahaja yang lain wakil rakyat biasa sahaja

ataupun Ahli Dewan Negara. Kalau ada jawatan pun pengerusi agensi setakat itu sahaja, campur-campur pun tidak lebih seribu orang. Kakitangan kerajaan ada dekat sejuta tetapi bila sebut rasuah orang politik sahaja, haru betul, Tuan Yang di-Pertua. Kalau rasuah orang politik, tidak ada orang lain. Jadi, maknanya rasuah itu untuk orang-orang politik, lupa dah pihak-pihak lain.

Saya menunjukan hujah saya ini bukan kepada politik, bukan kepada pegawai kerajaan, hanya umum - rasuah. Rasuah ini memang kanser dan kalau kita rasuah kejayaan kita capai selama ini akan hancur. Hendak tunggu Allah Taala hukum, Tuan Yang di-Pertua, lambat! Sebab kalau kita buat salah di dunia, hendak tunggu Allah Taala hukum kena tunggu kiamat, baru bicara di Padang Mahsyar. Manakala, kita pemimpin - baik pemimpin kerajaan, baik pemimpin politik - yang diberi amanah. Jadi, kita ada tanggungjawab, dengan izin, so don't play with the lively hood of the people, kalau kita diberi amanah. Hendak tunggu Allah Taala hukum lambat tetapi tetap Allah Taala akan hukum, itu tidak jadi masalah, kita yakin tetapi lepas kiamat.

Kedua, hendak memerangi rasuah, hendak harap kepada tubuh badan mengaku, tidak mengaku. Kalau kita ikhlas kita buat, kita mengaku mana ada orang volunteer hendak masuk Pudu, sekarang ini sudah Sungai Buluh bukan Pudu lagi. Tidak ada, tubuh badan tidak mengaku. Dia tahu dia buat tetapi tidak mengaku. Tubuh badan payah hendak mengaku walaupun ada Malaikat kiri dan kanan sebab itu berani tubuh badan buat. Kalaulah tubuh badan itu ikhlas, dia buat dia mengaku, senang! Ini masalah tubuh badan tidak mengaku, sebab itu ada mahkamah. Sebab itu di akhirat esok-esok, ada syurga dan neraka.

Yang ketiga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah juga Menteri Dalam Negeri. Jadi, saya yakin Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri, kalau dia tidak tahu semua pun, 70%, 80% sebagai pemimpin kerajaan dia access kepada maklumat. Access, kerana masalah rasuah ini, Tuan Yang di-Pertua pun seorang peguam, kita tahu, tahu undang-undang. Payah hendak bukti, masalah evidence. Sekarang ini canggih, cukup susah. Semua over-bought, everything okay, so tuduh-tuduh. Kalaulah pergi ke mahkamah selepas BPR siasat, tiada kes. Kalau bawa habis masa mahkamah sahaja, habis masa hakim sahaja. Buang duit sahaja, orang ini terlepas, BPR habis masa sebab bukti tidak cukup tetapi kita tahu morally corrupted. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, betul saya hendak sebut, saya pernah sebut dahulu di Dewan Rakyat, saya pernah ulang. Sebab itu teguran Perdana Menteri kita supaya hidup dengan cara sederhana, ha ini! Ada pihak yang kejar kekayaan, memanglah kita hendak maju dan kaya tetapi ada sesetengah itu sudah lupa daratan. Rumah seperti mahligai, kolam renang dua, kalau dulu air itu tidak bergerak sekarang ini air mendidih, macam-macam sekarang ini. Dulu, warna biru sekarang sudah jadi warna merah, masuk lampu pula dalam [Ketawa]. Naik warna merah, duduk di atas bukit. Mungkin orang berniaga, dia dapat kejayaan mungkin tok nenek moyang dia dulu banyak tanah di Kuala Lumpur, jual empat, lima ekar. Oleh kerana nilai tanah naik, maka jadi jutawan. Mungkin adalah sebahagian begitu takkanlah semua. Tetapi hidup, jadi, kita tahu tetapi hendak dakwa tidak boleh, tidak ada bukti tetapi kita tahu mungkin ianya berlaku, kita tidak tuduh, mungkin! Sebab kalau kita ambil si A kita kata, dia bekerja dengan kerajaan 30 tahun. Tamat dia sebagai jawatan apa, paling tinggi, letaklah jawatan apa pun. Saya tidak hendak sebut, kalau sebut nama kata saya tuju kepada pegawai berkenaan. Dia tidak makan, dia puasa, dia pakai baju cap 'pagoda' sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh buat kolam renang ini, tidak boleh buat pagar rumah pintu gate sahaja sampai harga 300 ribu - 400 ribu ataupun sejuta, mana

mungkin! Rumah di atas bukit ada tujuh kereta, ada kereta sports, ada S320, ada S420. Mungkinilah, sekarang ini dunia perniagaan kerana saham, listing right issue sekali listing RM30 million, RM40 million, betullah, bukan saya hendak nafikan, ada!

Tetapi, still pada saya umumnya mustahil sebab saya sukalah saya ini jenis mata-mata gelap. Saya jalan ikut atas bukit, saya tanya ini rumah siapa, kita kadang-kadang dengki juga. Habis-habis kita turun ambil gambar, ambil gambar tengok pokok bunga, tengok pagar, siapa ini, dia kerja apa? Oh, kaya dia ya. Saya sudah mula dah tetapi saya tidak tuduh sebab susah, tetapi saya percaya Perdana Menteri tahu saya kata tadi, morally corrupted ini yang masalah susah ini. Tambah-tambah sekarang ini dunia lagi canggih, multimedia, Internet. Jadi, cara permainannya lagi canggihlah. Kalau tidak hendak bayar income tax pergi padang golf, betting. Saya tidak pernah main golf, yang main golf tahulah. Peluh tidak keluar terima trofi hadiah RM50,000 - peluh tidak keluar - ada juga di padang golf. Apa kerja ini? Orang tahu, kalau hari ini orang tidak tahu, esok orang tahu, Allah Taala tahu! Tubuh badan pun tahu tetapi yang ini ada Perdana Menteri tahu, ada Perdana Menteri tidak tahu tetapi Perdana Menteri sebut ini, Tuan Yang di-Pertua, semua surat-surat khabar keluar, *The New Straits Times* semalam, Perdana Menteri kata “tacke corruption quickly, decisively, don’t let graft be a kind or part of local culture” sebab Perdana Menteri tahu bahawa rasuah boleh boleh menghancurkan negara kita sekelip mata daripada kita membina berpuluh tahun lamanya. Ini yang hendak diperangi ini.

Tetapi kita Alhamdulillah, dalam UMNO ada pemimpin walaupun belum didapati bersalah dituduh letak jawatan secara terhormat. Parti Pembangkang tidak ada. Tidak ada, tidak berhenti! Buatlah tuduhan macam mana pun tidak berhenti! Hendak dapat maklumat tidak dapat, check-check tidak ada bukti orang tidak hendak mengaku, payahlah hendak cari saksi ini. Saudara kita ini yang Melayu, Cina dan India di Malaysia

inilah cukup first class punya rakyat. Dia mudah kasihan, mudah lemah lembut. Kesian! Mula-mula itu ambil tindakan, ambil tindakan, begini-beginilah, lepas itu sudah ambil tindakan, kasihan dia itu - macam itu rupanya orang Malaysia. Saya tengok umumnya macam itu orang Malaysia. Saya tidak ada, saya stand by what I believe, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya stand by what I believe masalah corruption ini mesti diperangi habis-habisan.

Kalau terpaksa Badan Pencegah Rasuah perlu dikemaskinikan, kemaskinikan. Kalau ada loop-hole hendak dipinda undang-undang kita sokong seratus peratus tetapi yang lebih penting, saya hendak menyeru dan hendak meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri, salah satu cara to fight this ill, this social ill - corruption dulu, saya hendak menyentuh soal-soal gejala sosial yang lain ialah dengan cara, saya rasa memang kita tahu kalau perlantikan jawatan dalam kerajaan, ia by seniority, dia go by years. Pengawal biasa, timbalan pengarah, pengarah, timbalan ketua pengarah, ketua pengarah, TKSU, KSU, dia go by seniority, umumnya begitu. Dalam politik prerogatif, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri siapa dia hendak lantik, itu prerogatif tetapi kita tahu secara konvensionalnya kita ini mengamalkan multiparti, banyak parti politik dan kita ada Barisan Nasional. UMNO tidak ada masalah prerogatif duduk pada Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO. Selain daripada itu kita ada parti-parti lain, MIC, MCA, Gerakan, macam-macam! Banyak komponen parti - sebelahkah, dua belas, banyak. Dan setiap parti-parti politik yang mewakili pelbagai bangsa di Malaysia ini ada representative, baik conventional, walaupun prerogatif hak Perdana Menteri tetapi umumnya mereka inilah yang mencadang kepada Perdana Menteri dan untuk menjaga keharmonian parti politik, maka kalau Presiden MIC serah nama A,

‘A’lah, kalau B, ‘B’lah. Saya rasa kita sudah menuju kepada negara maju, kita pun sudah separuh maju, cara conventional ini patutlah ditukar.

Saya ikhlas, mungkin nanti orang serang saya nanti. Dulu, kalau kita cakap ketuanan Melayu, apa-apa pun lebih, kita hendak itu, kita hendak ini, keadaan sudah berubah. Lee Kuan Yew kata kita kita tidak mengamalkan meritokrasi, padahalnya Singapura yang tidak amalkan, tengok orang Melayu di Singapura macam katak bawah tempurung. Kita di sini, Melayu, Cina, India, Kadazan, semua sama tidak ada beza, tidak rasa rimas. Ada equal opportunity, sebab itu kalau kita sebut mungkin orang terkejut nanti, tetapi saya hendak sebut. Saya ingin mencadangkan sudah sampai masanya perlantikan jawatan-jawatan seumpama ini bukan lagi didasarkan secara conventional mengikut parti-parti politik yang represent. Kalau dalam UMNO kita tengok ramai pemimpin bersih, kita tidak kata lagi ini menteri Melayu, tidak ada! Ini menteri Malaysia, bangsa Malaysia, makna itu dia. Saya lebih senang hati mempunyai pemimpin walaupun tidak beragama Islam, walaupun tidak Melayu tetapi amalan dia, bersih dia, moral dia dan akhlak dia lebih baik daripada orang yang menggunakan Islam untuk bertujuan politik.

[Tepuk]

Apa makna kalau nama sahaja Islam macam di Kelantan, pakai ketayapkah sebut Islam, tingkah laku dia boleh merosakkan nama baik Islam, buat apa? Itu dari segi jangka pendek, jangka panjang merosakkan Islam. Yang penting kita hendak ialah pemimpin yang bersih, jujur dan amanah dan ini dituntut oleh agama kita Islam dan dengan sendiri kalau negara kita Malaysia negara Islam, makna kita mengamalkan prinsip ini, dengan sendirinya Islam juga orang akan pandang dengan lebih mulia.

Jangan ikut Islam macam PAS ini. Saya quote Islam yang sebenarnya, Islam Allah Ta’ala punya. Ini, Yang Berhormat Pandithan, nanti silap faham pula. *[Ketawa]* You

tidak tahu, nanti you confuse. Islam maknanya Islam untuk Allah Ta'ala, bukan Islam PAS. Tetapi tidaklah bererti kita hendak mengurangkan dari segi representation, baik yang dinikmati oleh orang Melayu hari ini, yang dinikmati oleh orang MCA, oleh MIC. Cuma saya hendak tekankan, ertinya kalau dalam MCA, dalam GERAKAN, dalam mana-mana parti politik, kalau hari ini ada 4 menteri, besok mungkin 2 menteri, patut juga terima. Jangan soal pula kenapa lebih orang Melayu, kenapa lebih UMNO? Itu maksud saya. Kalau dalam MIC, hari ini ada seorang menteri, ada dua timbalan menteri, ada setiausaha Parlimen, besok tinggal seorang menteri, jangan soal, jangan pekik, jangan menjerit, hari ini kita kurang kuota, kita mahu tambah, tidak ada lagi. Kita jangan ikut soal bab ini.

Soal yang penting, kita hendak pemimpin bersih, akhlak tinggi, moral baik, maka Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut selamat dan Malaysia akan menjadi bangsa yang betul-betul megah di antarabangsa. Saya yakin, saya believe, saya stand by that principle. Saya tekan ini sebab saya baca statements Perdana Menteri, kebimbangan Perdana Menteri ini bukanlah kata sekarang ini sudah parah, tidak, saya percaya tidak ada. Satu, dua kes pemimpin sudah berhenti dan walaupun belum didapati bersalah, tetapi nampaknya Perdana Menteri address the issue ini cepat, sebab Perdana Menteri kita ini seorang doktor, dia selalu kata, seorang doktor kalau dia dapat sakit, dia tengok kaki, dia potong. Kalau tangan sakit, dia potong sebelum dia menjangkit. Maknanya, cure is better than prevention, dengan izin, maknanya ubat dahulu. Ha, prevention is better than cure. *[Ketawa]* Saya pening, Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat Pandithan tidak tengok saya ini. Apa yang dicelikkan itu? Saya terlupa, prevention is better than cure. Saya bantai, cure is better than prevention pula. *[Ketawa]* Sebenarnya, prevention is better than cure. Yang Berhormat Dato' Zuki selalu dok nasihat, diam pula, patut tegur

cepat-cepat. *[Ketawa]* Ha, ini - prevention is better than cure, kerana Perdana Menteri kita, orang sakit, dia potong cepat. Kalau sakit telinga, potong telinga, sakit tangan, potong tangan.....

Seorang Ahli: Kalau sakit kepala?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Sakit kepala, potong kepalalah. *[Ketawa]* Kalau sakit lain-lain.....

Tuan Yang di-Pertua: Sakit apa yang kena potong ini? *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, di Jeli ada berlaku *[Ketawa]* baru-baru ini di Kelantan. Tetapi kalau ada lain-lain penyakit daripada yang saya sebut tadi, kena tanya Yang Berhormat Datuk Rahim Baba. *[Ketawa]* Boleh.

Jadi, soalnya rasuah ini saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam joke sedikit, tetapi penting kerana dia boleh meruntuhkan negara. Sebab itulah saya cadangkan tadi, bukanlah saya hendak cadangkan supaya BPR ini jadi Badan Pencegah Rasuah macam yang dicadang sebelum ini oleh pihak parti pembangkang, wakil backbencher pun ada cadang, tetapi maknanya hendak dikemas kini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada prerogative melantik anggota kabinet ataupun dari segi kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan. Kriteria “bersih dan amanah” ini mesti diambil kira dengan berat. Dan kalau ada nampak pemimpin-pemimpin yang walaupun tidak boleh dibukti, tetapi sudah ada nampak dia punya bunga-bunga, jangan teragak-agak ambil tindakan. Sebab itu selalu popular orang kata, not that I love Ceaser less but I love Rome more. I love Kelantan more not that I don’t like Nik Aziz less. *[Ketawa]* Itu dia, ambil tindakan.

Saya fikir juga untuk jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, jawatan key post ada continuity, maka dia kena cukup masa memimpin. Tetapi jawatan-jawatan lain, kadang-kadang tidak perlu juga lama-lama, Tuan Yang di-Pertua. Di Amerika, negara maju, dua penggal, tiga penggal. Ini pun kalau boleh, saya percaya mungkin ada dalam fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau ada, saya menyokong penuh, sebab ini prosesnya. Sebab kalau kita sudah sampai kepada peringkat bahawa jawatan itu bukan untuk glamour, bahawa jawatan itu bukan untuk kepentingan peribadi, bahawa jawatan itu bukan untuk mengaut kekayaan, bahawa jawatan itu bukan untuk menyalahgunakan kuasa, bahawa jawatan itu bukan untuk nepotism, tetapi bahawa jawatan itu untuk agama, bangsa dan negara, maka soal tadi tidak jadi penting lagi. Leaders come, leaders go, dengan izin.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bermaksud Perdana Menteri Malaysia ini patut berhentilah, sudah lamalah?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya rasa Yang Berhormat ini silap dengar, tidurkah? *[Ketawa]* Saya sebut tadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri memang dia perlu kepada continuity selama yang boleh, tetapi jawatan-jawatan lain yang bersilih ganti, maknanya bertukar-tukar, kalau tidak hendak tukar, hari ini dia duduk sini, besok bukan berhenti hendak lucut, dia pergi ke tempat lain pula. Tetapi jangan satu orang duduk lama dekat situ, contohnya pegawai kastam. Di Rantau Panjang janganlah seorang pegawai kastam yang ada jawatan tinggi duduk sampai 3-4 tahun. Jawatan penting ini kalau boleh setahun, selepas itu tukar pula pergi ke tempat lain, dia bertukar-tukar, jadi tidak sempat dia berkawan lama sangat, tidak sempat 'aturlah'. Ha, itu maksud saya. Jawatan-jawatan penting kena tukar. Dahulu kastam, pergi ke alam sekitar, bertukar. Kalau duduk 3, 4, 5 tahun mulalah tekan Internet dan sempat biasa membiasa.

Itu maksud saya tadi, bukan kata jawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

Tetapi soalnya kalau orang itu didapati diyakini bersih, jujur, ikhlas, macam Perdana Menteri, tidak ada masalahlah, tidak ada kita soal. Yang kita soal yang ini, kita nampak 5 tahun, 6 tahun, 7 tahun ataupun tengok seorang pegawai yang berjawatan pengarah, dahulu datang daripada satu kampung, kita cek tengok dia bukan anak bangsawan, tanah di Kuala Lumpur pun tidak ada, dahulu waktu bekerja naik kereta kecil, tiba selepas 7 tahun boleh pergi ke Orlando waktu musim cuti, kereta 3, 4 buah, ha - itu yang saya maksudkan. Maksud saya begitu, bukan saya spesifik, tidak, umum - saya beri contoh, baik orang politik, baik orang kerajaan, semua sekali. Ini yang saya beri penekanan supaya hal isu rasuah ini diperangi habis-habisan.

Kita haraplah menteri-menteri kabinet kita dapat menjadi contoh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia sudah jadi contoh, saya pun bukan kata tidak jadi contoh, tetapi tingkatkan lagi. Saya sebut perkara ini kerana saya ingatkan diri saya juga, mungkin kita bercakap ini sebab kita belum lagi ditest temptation, tetapi saya sudah yakin tadi mungkin dengan pengalaman kalau kita yakini, kita boleh elak daripada temptation tadi dan temptation inilah yang penting. Ada orang kenal, pergi kenduri kahwin, pergi dinner, dia sudah beristeri, kenal, bila kenal sudah mula, jadi dua, jadi tiga.....

Tuan Yang di-Pertua: Tiga apa itu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tiga, empat isterilah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, isteri.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tidaklah salah, Islam menggalakkan. Maknanya, tidak tahan. Mula-mula bertukar kad hal business, saya tengok depan tadi, bertukar business, saya pun bercakap juga, mulut saya pun banyak juga, tetapi setakat itu

sahajalah. Ada orang, nampak tidak berapa bercakap, selepas itu bertukar kad kata business, rupanya ke lain. Rupa-rupanya ke rumah kadi yang mereka meniagakan. Ha, perkara-perkara seumpama inilah yang saya sebutkan tadi.....

Seorang Ahli: Ini bukan rasuah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Bukan soal rasuah. Ini bukan rasuah. Betul bukan rasuah, tetapi bila sampai ke peringkat itu, tadi disebut slogan “Rumahku Syurgaku”. Hendak jaga sebuah rumah hendak jadikan syurgaku pun tidak terlarat ini, jadi rumah-rumah syurgaku, mana boleh? *[Ketawa]* Kalau yang tiga isteri, tiga buah rumah; rumahku, rumahku, rumahku, syurgaku, fasal tiga. *[Ketawa]* Tiga buah. Satu pun tidak jadi syurga. Jadi, oleh kerana hendak jadi syurga ketiga-tiga itu, kalau ada jawatan penting, mulalah itu. Kalau yang number one ada BMW, number two pun BMW, number three pun, ini bukan saya hendak mengata, tidak, saya bercakap ini akademik, very academic, dengan izin, dengan betul-betul akademik, adil. Yang adil, tetapi masalah adil itu oleh kerana dia sendiri tidak upaya, maka mulalah. Kalau dia berjawatan penting, mulalah dia gelap mata nanti. Ini saya ingatkan kepada diri saya, saya takut jadi kepada saya, saya tidak kata kepada orang ini, saya mengingatkan diri saya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya percaya dalam bab rasuah ini kerajaan dapat memerangi habis-habisan dan kalau boleh, kempen anti rasuah ini pihak kerajaan memikirkan jangan orang kata weekly affair setahun sekali ataupun sekali sekala, tetapi sepatutnya process on going. Maknanya, kalau boleh kempen anti rasuah ini sama dengan kempen keselamatan jalan raya, kempen membayar cukai. Jadi, biar rakyat rasa benci dan jijik betul kepada rasuah dan benda ini boleh buat. Waktu komunis ada dahulu, saya masih ingat, dan kita mengharamkan komunis, saya masih bersekolah dahulu, bila cikgu ajar komunis, komunis, kita pun tidak tahu apa komunis pada masa itu, ianya

ideologi. Kita beragama Islam ataupun bangsa kita yang lain yang tidak beragama Islam, tetapi semua sekali menganggap komunis ini satu benda yang jijik dan takut sampai masuk jadi budaya. Maknanya, dalam pemikiran rakyat, komunis ini bahaya dan takut.

Kalau boleh, kita menggerakkan jentera kerajaan daripada akar umbi dari segi memerangi anti rasuah, tidak cukup dengan satu, dua sepandok ataupun sekali sekala sebulan keluar satu advertisement dalam TV, tidak boleh. Kita tidak hendak jadi negara jiran kita, saya tidak sebut mana-mana jiran ini, tahap corruption dia itu, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat pun pernah melawat negara-negara jiran, sampai di airport pun sudah kena, memang teruk. Kita tidak hendak masuk dalam golongan negara yang berkenaan. Hari ini kita pun sudah mula sedikit-sedikit, sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi kita perangi cepat sehingga rakyat kita merasakan bahawa rasuah ini samalah dengan dadah. Jijik dan benci kita kepada dadah sama juga kita benci kepada rasuah. Ini kempen.

Saya menyokong berapa banyak kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk kempen anti rasuah ini belanjalah berapa banyak pun. Sebab kalau kita sayang hendak belanja RM10 juta, RM20 juta, sekali ada pihak melakukan rasuah, ha - sampai RM1,000 juta kalau menyeleweng. Dahulu cerita BMF pernah berlaku dan ada lagi lain-lain cerita. Maknanya, boleh rugi beribu juta, boleh hilang beratus juta ringgit. Jangan kita rasa walaupun kerajaan kita mengamalkan dasar kewangan berhemah, tetapi untuk memerangi rasuah, memerangi dadah dan mengatasi masalah gejala sosial ini untuk anak-anak kita, budak-budak sekolah yang sudah terlibat dengan masalah sosial yang cukup banyak, belanjalah berapa banyak pun. Bukanlah kata suruh belanja boros, tidak, tetapi saya minta kerajaan keluar peruntukan yang secukup-cukupnya untuk kita menangani masalah ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya berucap ini kira-kira tidak hendak duduk supaya dapat sambung besok. *[Ketawa]* Sampai besok, pendeklah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi subjek saya tidak sebut, mengenai dengan kenyataan Menteri Besar Kelantan, ini pun mungkin memakan masa 15-20 minit besoklah, saya janji 15-20 minit.....

Tuan Yang di-Pertua: Besoklah, kita tangguhlah hari ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali:.....Nik Aziz minta UMNO beri laluan kepada UMNO. Dia kata, sebab dia sudah Islam, tidak payahlah lawan. Jadi, saya hendak sambung besok. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan sehingga besok hari, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.